



# i Kandungan


3	<b>1</b>	<b>Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd</b>
6		Misi, Visi dan Prinsip Panduan
8		Kata-Kata Aluan Pengerusi
10		Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif
14		Seimbas Lalu
18		Lembaga Pengarah
24		Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah
26		Struktur Organisasi
28		Barisan Kepimpinan
30		Ketua-Ketua Bahagian
36		Integriti
37	<b>2</b>	<b>Projek MRT Lembah Klang</b>
38		Rangkaian Rel Bandar Berintegrasi Lembah Klang
41	<b>3</b>	<b>MRT Laluan Sungai Buloh - Kajang</b>
44		Pembinaan
46		Kesediaan Operasi
48		Bas Perantara
49		Perolehan
52		Tanah
53		Kuarters Pekerja MRT
54		Penyertaan Bumiputera
55		Program Kerjasama Industri
57		Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar
58		Hal Ehwal Pihak Berkepentingan dan Perhubungan Awam
63	<b>4</b>	<b>MRT Laluan Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya</b>
66		Pembinaan
68		Perolehan
69		Tanah
70		Kuarters Pekerja MRT
71		Penyertaan Bumiputera
73		Program Kerjasama Industri
74		Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar
75		Hal Ehwal Pihak Berkepentingan dan Perhubungan Awam
79	<b>5</b>	<b>Komersial</b>
80		Pengenalan
81		Hartanah
81		Pengiklanan
82		Ruang Niaga
82		Tempat Letak Kereta Bertingkat
83		Telekomunikasi Komersial
83		Teknologi Baru dan Acara
85	<b>6</b>	<b>Laporan Kewangan</b>
89	<b>7</b>	<b>Pakej Kerja Yang Dianugerahkan</b>
90		MRT Laluan Sungai Buloh - Kajang
100		MRT Laluan Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya



i

# Singkatan

- **KVMRT** Projek Transit Aliran Massa Lembah Klang
- **Laluan SBK** MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang
- **Laluan SSP** MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya
- **MRT Corp** Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd
- **PDP** Rakan Pelaksana Projek
- **Prasarana** Prasarana Malaysia Berhad
- **SPAD** Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat



Mass Rapid  
Transit Corporation  
Sdn Bhd

1

# Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd



◀ **UJIAN:**  
Pandangan  
Stesen Kota  
Damansara  
dengan sebuah  
tren MRT sedang  
menjalani ujian  
perjalanan.

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) merupakan satu syarikat tujuan khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia untuk menjadi pemaju dan pemilik aset bagi Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang (Projek KVMRT). MRT Corp adalah syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) Malaysia.

MRT Corp telah ditubuhkan pada bulan September 2011 dan mengambil alih pemilikan Projek KVMRT dari Prasarana Malaysia Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Syarikat Prasarana Negara Berhad) pada Oktober 2011.

Tanggungjawab MRT Corp termasuk memantau pembinaan kesemua struktur bertenagak, stesen dan depoh Projek KVMRT. Syarikat ini juga memantau kerja bawah tanah yang melibatkan kerja pembinaan terowong dan stesen bawah tanah.

MRT Corp juga bertanggungjawab ke atas kontrak-kontrak yang terbabit, proses perolehan dan penyelesaian pertikaian selain memastikan kualiti daripada segi kos, penjadualan, kesihatan, keselamatan dan keperluan persekitaran.

Syarikat ini bekerjasama dengan pihak lain dalam pembangunan Projek KVMRT, iaitu MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd dan MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd sebagai Rakan Pelaksana Projek (PDP) untuk MRT Laluan SBK dan MRT Laluan SSP, dan juga SPAD sebagai agensi penyelia.



▲ **TREN:**  
*Sebuah tren MRT sedang menjalani ujian.*



## Misi



Untuk menghasilkan dan menyampaikan satu sistem MRT yang efektif, efisien dan bersepadu; dengan selamat, mengikut jadual dan menepati kos



## Visi



Untuk diiktiraf sebagai penyedia utama perkhidmatan pengangkutan rel bandar



## Prinsip Panduan



### Keterbukaan

Kami saling menghormati antara satu sama lain, menghargai perbezaan dan memanfaatkan perubahan di bawah satu kepimpinan

### Kerjasama

Kami bekerja dengan berkesan sebagai satu pasukan ke arah mencapai matlamat bersama

### Kejujuran

Kami sentiasa mendukung kejujuran dan integriti

### Kecemerlangan

Kami sentiasa melakukan perkara yang betul dengan cara yang betul

### Tanggungjawab

Kami sentiasa bertindak secara sensitif dan bertanggungjawab ke atas segala tindakan dan hasil kerja



# Kata-Kata Aluan Pengerusi

“Dengan sukacitanya saya membentangkan Laporan Kemajuan Tahunan MRT Corp bagi tahun kewangan yang berakhir pada 30 September 2016.”

Memasuki tahun kelima, 2016 memang salah satu tahun yang paling penting kerana kami akan menyiapkan Fasa Pertama Laluan SBK, yang merangkumi 12 stesen di seluruh bahagian bertingkat utara pada bulan Disember 2016.

Selaras dengan tema bagi 2016, ‘Sedia Beroperasi’, kami berusaha untuk melengkapkan Fasa Pertama seperti yang dijadualkan dan maju ke arah menyiapkan Fasa Dua pada Julai 2017, yang bakal memberi manfaat kepada 1.2 juta orang di sepanjang koridor SBK ini.

Lembaga Pengarah MRT berpeluang untuk menaiki tren MRT semasa tempoh percubaan dari Stesen Semantan ke Stesen Sungai Buloh, yang meliputi seluruh laluan Fasa Pertama. Kami amat gembira dengan apa yang kami dapat lihat dan alami.

Kerja-kerja akhir sedang dijalankan termasuk pintu masuk stesen, kerja-kerja seni bina dan perkhidmatan bangunan, pemasangan dan ujian pelbagai infrastruktur sistem elektrik dan mekanikal, seperti pintu tiket automatik dan pintu platform automatik. Pengujian dan petaulahan tren elektrik bermula pada bulan Oktober 2016.

Memandangkan Laluan SBK akan beroperasi dan Prasarana Malaysia Bhd akan mengambil peranan sebagai pengendali, MRT Corp telah mengambil beberapa langkah ke arah merealisasikan potensi dalam menjanakan pendapatan daripada aset MRT yang dimiliki. Salah satu langkah awal termasuklah anugerah untuk tiga konsesi pengiklanan.

Dalam tempoh laporan ini, pembinaan laluan kedua Projek KVMRT, Laluan SSP telah bermula. Pada 15 September 2016, pembinaan laluan secara rasmi dimulakan dengan majlis pecah tanah oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia di tapak berhampiran dengan Stesen Putrajaya Sentral yang sedia ada.

Tahun kewangan yang berikutnya akan menjadi sangat penting bagi MRT Corp. Laluan SBK akan beroperasi sepenuhnya, dan pada masa yang sama, pembinaan untuk kesemua bahagian Laluan SSP akan bermula. Laluan kedua di bawah Projek KVMRT dijangka menyediakan perkhidmatan rel yang lebih baik untuk 2 juta orang di antara Sungai Buloh, barat laut Kuala Lumpur, melalui pusat bandar ke Putrajaya Sentral, hab pengangkutan untuk Pusat Pentadbiran Persekutuan Malaysia.

Lembaga Pengarah akan memastikan bahawa Pasukan Pengurusan dan kakitangan MRT Corp akan terus menepati apa yang telah kami janjikan untuk menambahbaik cara perjalanan sehari-hari untuk rakyat.

Terima kasih.

Tan Sri Dr Ali Hamsa  
Pengerusi



# Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

**“Dengan sukacitanya saya membentangkan laporan bagi prestasi MRT Corp untuk Tahun Kewangan 2015/2016.”**

Tahun ini adalah tahun yang sangat sibuk, dengan pembinaan kedu-a laluan Projek KVMRT yang dikendalikan serentak.

Tahun ini merupakan tahun terakhir sebelum bermulanya operasi bagi fasa pertama Laluan SBK pada bulan Disember 2016. Semasa dalam tempoh laporan, MRT Corp memberikan tumpuan sepenuhnya kepada kerja-kerja penyiapan akhir bahagian bertingkat utara Laluan SBK antara Stesen Sungai Buloh dan Semantan, di bawah Operasi Fasa Pertama laluan.

Kerja-kerja penyiapan untuk baki laluan dari Stesen Semantan ke Stesen Kajang juga berjalan dengan lancar dan akan dibuka untuk perkhidmatan pada bulan Julai 2017.

Pada masa yang sama, kerja pembinaan laluan kedua Projek KVMRT – Laluan SSP telah bermula. Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah merasmikan majlis pecah tanah bagi laluan itu di Putrajaya pada bulan September, menandakan bermulanya kerja pembinaan.

## Sedia Beroperasi

Tema edisi Laporan Kemajuan Tahunan tahun ini, “Sedia Beroperasi”, jelas sekali menggambarkan tumpuan semua warga MRT Corp pada tahun 2016. Dengan operasi Fasa Pertama dijangka pada bulan Disember 2016, usaha dan tenaga di MRT Corp telah ditumpukan untuk memastikan Fasa Pertama Laluan SBK, yang merangkumi bahagian bertingkat utara laluan, akan sedia untuk beroperasi.

Mujurlah, pembinaan Laluan SBK telah mengikut jadual bagi lima tahun lalu sejak kerja bermula pada tahun 2011. Kesannya, walaupun terasa tekanan untuk memastikan laluan sedia untuk beroperasi, kerja-kerja akhir diteruskan dalam keadaan yang terkawal.

Kami akhiri tahun kewangan dengan kemajuan Laluan SBK pada 92.5%, dengan kerja pembinaan Fasa Pertama hampir siap.

Seperti dinyatakan di atas, tumpuan adalah pada kerja-kerja akhir seperti penyiapan pintu masuk stesen, kerja-kerja seni bina dan perkhidmatan bangunan, untuk bahagian Fasa Pertama laluan.

Pemasangan dan pengujian pelbagai infrastruktur sistem mekanikal dan elektrikal, seperti pintu tiket automatik dan pintu platform automatik bagi 12 stesen di bawah Fasa Pertama juga diteruskan dalam tempoh ini. Pengujian tren elektrik dijadualkan bermula pada bulan Oktober 2016.

Saya berasa gembira untuk menyatakan bahawa berdasarkan keadaan pada 30 September 2016, kami akan dapat menepati sasaran untuk memulakan operasi Fasa Pertama seperti yang dijadualkan.

Walaupun banyak perhatian ditumpukan kepada Fasa Pertama, kerja-kerja penyiapan juga diteruskan dengan lancar bagi kedu-a bahagian bawah tanah dan bertingkat selatan. Kedua-dua bahagian akan mula beroperasi di bawah Fasa Kedua, dijadualkan pada bulan Julai 2017.

Kemajuan bagi bahagian bawah tanah ialah 94.4% sementara bahagian bertingkat selatan ialah 87% siap. Gabungan kemajuan bagi kedu-a bahagian ialah 91%, yang dapat memastikan pembukaan seperti yang disasarkan.

Bagi bahagian bawah tanah antara Portal Semantan dan Portal Maluri, pembinaan semua stesen bawah tanah termasuk kerja-kerja pembinaan seni bina telah siap manakala kelengkapan sistem mekanikal dan elektrikal telah dijalankan semasa dalam tempoh laporan.

Kerja-kerja pemasangan landasan di dalam terowong juga telah siap dan pemasangan yang berkaitan dengan landasan seperti kerja pengkabelan sistem sedang dijalankan.

Bagi bahagian bertingkat selatan dari Portal Maluri ke Stesen Kajang, semua struktur stesen bertingkat telah siap sementara

kerja seni bina sedang dijalankan. Bumbung bagi semua stesen telah dipasang manakala semua bilik peralatan sistem telah diserahkan kepada kontraktor pakej kerja sistem mekanikal dan elektrikal yang berkaitan.

MRT Corp turut mengambil langkah persediaan bagi bas perantara Laluan SBK semasa dalam tempoh laporan. Proses perolehan bagi 300 buah bas turut dilakukan seiring dengan pembinaan tiga buah depoh bas.

Selain penyiapan pembinaan Laluan SBK, tumpuan turut diberikan dalam memastikan Laluan SBK sedia untuk beroperasi secara keseluruhan. Ini termasuklah pengantaramukaan dengan pengendali laluan yang telah dilantik, Rapid Rail, anak syarikat Prasarana.

Pasukan petugas kesediaan operasi yang telah ditubuhkan semasa tahun kewangan lepas telah menjalankan tugas dengan cemerlang dalam memastikan permulaan operasi berjalan lancar di semua bidang.

Semasa dalam tempoh laporan, turut menyaksikan MRT Corp secara rasminya melantik Rapid Rail sebagai pengendali Laluan SBK, dengan menandatangani Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT pada 30 Jun 2016. Perkhidmatan bas perantara Laluan SBK juga akan dikendalikan oleh Prasarana melalui anak syarikatnya Rapid Bus dan perjanjian yang sama akan ditandatangani dalam waktu terdekat untuk meliputi aspek operasi ini.

## Tugasan Baru

Tahun dalam tempoh laporan merupakan tahun yang aktif dengan pembinaan Laluan SSP.

Tahun kewangan lalu memberi tumpuan kepada usaha mendapatkan kelulusan bagi pembangunan laluan, seperti Skim Keretapi Laluan SSP (kelulusan akhir diperolehi pada permulaan tahun kewangan ini) dan Penilaian Terperinci Impak Alam Sekitar.

Aktiviti pra-pembinaan seperti menentukan reka bentuk, proses perolehan dan pengambilalihan tanah dijalankan semasa suku pertama tahun dalam laporan. Pada 30 September 2016, sebanyak 23 daripada 68 pakej kerja bagi pembinaan Laluan SSP telah dianugerahkan. Pengambilalihan tanah untuk kumpulan pertama yang terdiri daripada 24 lot tanah di Kuala Lumpur telah selesai untuk membolehkan mobilisasi tapak dijalankan.

Kerja pra-pembinaan kemudiannya diikuti dengan kerja-kerja awalan, seperti pemetaan, pemaliman dan penempatan semula utiliti, pembersihan tanah dan penyediaan tapak. Aktiviti ini meliputi kedua-dua bahagian jajaran, bertingkat dan bawah tanah.

Bagi kerja-kerja bawah tanah, penyediaan bagi kerja terowong juga termasuklah pembalikpulihan mesin pengorek terowong yang telah digunakan untuk Laluan SBK. Sebanyak lapan mesin pengorek terowong akan digunakan semula bagi Laluan SSP.

Sementara itu, kquarters pekerja di Sungai Buloh yang digunakan sebagai rumah para pekerja yang terlibat dalam pembinaan Laluan SBK sedang diubahsuai sebagai persediaan untuk menampung para pekerja Laluan SSP.

Kerja pembinaan aktif bermula pada bulan Ogos 2016, dengan cerucuk gerek bermula bagi dua pakej kerja bertingkat utara.

Bulan yang berikutnya pada 15 September 2016, MRT Corp menandakan permulaan rasmi bagi pembinaan Laluan SSP dengan majlis pecah tanah yang dijalankan di tapak berhampiran Stesen Putrajaya Sentral. Majlis telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Saya juga mengambil peluang ini untuk melaporkan kemajuan cadangan MRT Laluan 3, yang lebih dikenali sebagai Laluan Lingkaran, dan Selayang Link.

Dalam tempoh laporan, sebuah firma konsultan telah dilantik untuk menentukan jajaran yang sesuai dengan kemudahan depoh dan lokasi stesen serta reka bentuk yang akan digunakan, dengan mengambil kira bilangan penumpang, keperluan liputan operasi dan kekangan tapak untuk dibentangkan kepada Kerajaan.

Pada 30 September 2016, kajian sedang dijalankan dan dijangka siap pada suku pertama tahun 2017.

## Lembaran Baru Buat MRT Corp

Sepanjang lima tahun yang lepas, fungsi teras MRT Corp adalah untuk memajukan Projek MRT Lembah Klang. Fokus utama ialah pada pembinaan.

Memandangkan Laluan SBK hampir siap dan operasi tren dan perkhidmatan bas perantara akan diserahkan kepada Rapid Rail dan Rapid Bus, MRT Corp perlu mencari aktiviti yang akan mendatangkan hasil untuk membolehkan ia terus beroperasi.

Di bawah Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT, semua hasil bukan tambang dari sistem MRT adalah milik MRT Corp, manakala pengendali akan menerima semua hasil dari kutipan tambang. Dalam tempoh laporan, MRT Corp telah memulakan langkah untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti menjana hasil yang dikenalpasti pada tahun kewangan sebelum ini.

Aktiviti utama ialah hak pengiklanan, ruang niaga, bayaran letak kereta, mengkomersialkan aset telekomunikasi, mengkomersialkan teknologi baru, sewa ruang acara dan bayaran fotografi dan juga pembangunan harta tanah.

Pada 30 September 2016, tiga konsesi pengiklanan bagi Laluan SBK telah berjaya dianugerahkan. Ketiga-tiga konsesi itu ialah untuk pengiklanan stesen, pengiklanan bahagian luar, dan pengiklanan tren. MRT Corp juga dalam proses mengambil langkah mengeluarkan tender bagi hak penamaan stesen untuk Laluan SBK.

Bagi ruang niaga, pembukaan tender untuk ruang niaga bagi 21 stesen bertingkat Laluan SBK sedang dijalankan dan penganugerahan dijangka akan dilakukan pada bulan Oktober 2016. Tender bagi ruang niaga stesen bawah tanah dan juga ruang lain akan dijalankan dalam waktu yang terdekat.

Kutipan hasil daripada enam kemudahan tempat letak kereta Laluan SBK dijangka akan bermula sebaik sahaja laluan mula beroperasi.

## Mengukuhkan Organisasi

Selain daripada Projek MRT, MRT Corp juga mengambil langkah-langkah penambahbaikan sebagai sebuah organisasi.

MRT Corp terus mengambil langkah ke arah mempertingkatkan tadbir urus dan integriti, dengan Unit Integriti yang telah ditubuhkan dalam tahun kewangan sebelum ini bertanggungjawab akan langkah ini. Antara langkah-langkah yang diambil ialah penggunaan dasar baru ke arah tadbir urus yang baik, serta aktiviti untuk meningkatkan kesedaran di dalam dan juga di luar organisasi.

Dengan semua langkah-langkah ini, diharap integriti akan menjadi satu budaya bukan sahaja di kalangan warga kerja MRT Corp tetapi juga dengan mereka yang berurusniaga dengan MRT Corp dan Projek KVMRT.

Semasa tempoh laporan, MRT Corp juga telah berusaha untuk mendapatkan sijil di bawah ISO 9001:2015 bagi Sistem Pengurusan Kualiti. Usaha ke arah pensijilan dimulakan oleh Bahagian Piawaian dan Pematuhan.

Berdasarkan kemajuan, MRT Corp dijangka untuk disijilkan pada akhir tahun 2016. Apabila pensijilan berjaya diperolehi, MRT Corp akan menjadi satu-satunya organisasi yang terlibat dengan pembangunan rel yang menerima sijil ini.

Daripada ulasan saya di atas, dengan sukacitanya saya melaporkan laluan pertama MRT Malaysia, iaitu Laluan SBK akan disiapkan tepat pada masa dan kos yang disasarkan.

MRT Corp berharap pada tahun kewangan seterusnya Laluan SBK akan siap sepenuhnya dan mula beroperasi. Pada masa yang sama, tumpuan akan mula bertukar ke arah Laluan SSP, di mana kerja-kerja pembinaan akan mula bertambah giat.

Sepertimana untuk Laluan SBK, kami di MRT Corp akan berusaha untuk memastikan Laluan SSP juga akan disiapkan tepat pada masa dan tidak melebihi kos sasaran.

Terima kasih.

• •

**Dato' Sri Shahril Mokhtar**

Ketua Pegawai Eksekutif

## Seimbas Lalu



**“Suai Kenal”**

**4 November 2015**

Menteri Kewangan II Datuk Johari Abdul Ghani melawat Ibu Pejabat Korporat MRT Corp.



**“Jom Naik MRT”**

**11 November 2015**

Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak melawat Depoh MRT Sungai Buloh.



**“Para Pemenang”**

**26 Februari 2016**

Pengumuman enam pemenang Pertandingan Reka Bentuk Bangku Projek MRT di mana reka bentuk mereka akan digunakan untuk bangku di dalam enam stesen bawah tanah Laluan SBK.



**“Pertama”**

**25 Mac 2016**

MRT Corp mengumumkan anugerah Pakej Kerja V202, pakej kerja laluan bertingkat pertama bagi Laluan SSP.



**“Integriti”**

**28 Mac 2016**

Barisan Kepimpinan MRT Corp melafazkan Ikrar Integriti Korporat semasa Program Ceramah Eksekutif Integriti.



**“Dianugerahkan”**

**31 Mac 2016**

MRT Corp mengumumkan penganugerahan Kontrak Kerja Bawah Tanah Laluan SSP.



### "Detik Bersejarah"

11 Mei 2016

MRT Corp melancarkan Program Keusahawanan Muda MRT II untuk Laluan SSP.



### "Mengikut Jadual"

12 Mei 2016

MRT Corp mengumumkan anugerah bagi dua pakej kerja sistem mekanikal dan elektrikal pertama bagi Laluan SSP.



### "Lawatan"

27 Mei 2016

Pengerusi SPAD Tan Sri Dato' Seri Dr Syed Hamid Syed Jaafar membuat pemeriksaan di Depoh MRT Sungai Buloh.



### "Hab Informasi Baru"

30 Mei 2016

MRT Corp melancarkan hab informasi baru, merangkumi dua pusat informasi, satu kios informasi dan satu trak informasi.



### "Amalan Berkongsi"

21 Jun 2016

MRT Corp menganjurkan majlis iftar tahunan bersama media semasa bulan Ramadan.



### "Melakar Sejarah"

30 Jun 2016

MRT Corp dan Rapid Rail, anak syarikat Prasarana, menandatangani Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT memberi laluan kepada Rapid Rail untuk mengendalikan Laluan SBK.

## Seimbas Lalu



**“Canggih”**

**11 Ogos 2016**

Mesin Pengorek Terowong pertama yang akan digunakan bagi Laluan SSP telah siap menjalani proses pemasakpulihan di Waiko Engineering Sdn Bhd di Pusing, Perak.



**“Termeterai”**

**12 Ogos 2016**

MRT Corp dan Credit Guarantee Corporation Malaysia (CGC) telah menandatangani Perjanjian Persefahaman yang membolehkan CGC menyediakan pembiayaan kepada sub-kontraktor Bumiputera bagi Laluan SSP.



**“Sokongan Penuh”**

**1 September 2016**

Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak menaiki tren MRT semasa lawatan beliau ke Laluan SBK.



**“Kerja Bermula”**

**16 September 2016**

Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak di majlis pecah tanah bagi Laluan SSP.



**“Mencuba”**

**28 September 2016**

Jawatankuasa Pengangkutan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya mencuba tanjakan kerusi roda yang direka untuk penumpang menaiki bas perantara MRT.



**“Hasil Bukan Tambang”**

**28 September 2016**

MRT Corp mengumumkan penganugerahan bagi tiga konsesi untuk pengiklanan Laluan SBK.



▲ SIAP:  
*Pandangan udara Stesen Semantan pada waktu malam.*

## Lembaga Pengarah



Dato' Sutinah Sutan  
Ahli

Encik Ahmad Zubir Zahid  
Ahli

Datuk Dr Ir Abdul Latif  
Mohd Som  
Ahli

Tan Sri Dr Ali Hamsa  
Pengerusi



Datuk Che Mokhtar Che Ali  
Ahli

Dato' Sri Shahril Mokhtar  
Ahli

Tan Sri Dr Mohd Irwan  
Serigar Abdullah  
Ahli

Datuk Seri Dr Rahamat  
Bivi Yusof  
Ahli

# Lembaga Pengarah

Tan Sri Dr Ali Hamsa

Pengerusi

Dato' Sri Shahril Mokhtar

Ahli

Tan Sri Dr Ali Hamsa, 61, merupakan Ketua Setiausaha Negara Kerajaan Malaysia.

Sebelum pelantikannya, beliau adalah Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) di Jabatan Perdana Menteri. Sebelum itu, beliau berkhidmat di Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, di mana beliau merupakan Pengarah Bahagian Pengeluaran dan kemudiannya sebagai Timbalan Ketua Pengarah Program Transformasi dan Program Kemajuan.

Beliau menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada tahun 1981 sebagai Penolong Pengarah di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Projek Kanan Pengurusan Ekonomi dan Dasar Awam (PUTERA) di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya sebelum melanjutkan pengajian di Oklahoma State University, Amerika Syarikat di mana beliau memperolehi Ijazah Sarjana Ekonomi pada tahun 1986. Ini diikuti dengan PhD dalam Sains Persekitaran dan Ekonomi pada tahun 1997.

Sebagai Ketua Setiausaha Negara, beliau juga merupakan Pengerusi MyHSR Corporation Sdn Bhd, Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Bintulu Port Holdings Berhad. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah pelbagai pihak berkuasa pembangunan koridor seperti Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDA) dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah Sarawak (RECODA).

Beliau juga merupakan Pengerusi Bersama Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan dan Timbalan Pengerusi Johor Corporation (JCorp). Sebelum ini beliau juga dilantik secara sebulat suara sebagai Presiden Pertubuhan Komanwel bagi Pentadbiran Awam dan Pengurusan (CAPAM) 2014-2016.

Dato' Sri Shahril Mokhtar, 43, adalah Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) Malaysia.

Sebelum dilantik ke jawatan tersebut, beliau merupakan Pengarah Urusan Kumpulan Prasarana, jawatan yang disandangnya sejak tahun 2010. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi SPAD.

Sebelum menyertai SPAD, beliau telah bertugas dengan RapidKL sebagai Pengurus Besar Perancangan Korporat. Semasa berkhidmat dalam jawatan itu, beliau telah dipinjamkan sebagai Penasihat di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, di mana beliau terlibat dalam usaha merangka Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Beliau juga terlibat di dalam makmal untuk penambahbaikan pengangkutan awam di bawah Program Transformasi Kerajaan.

Jawatan-jawatan yang pernah disandang beliau sebelum itu termasuk Pengurus Besar Penerbangan Malaysia Bhd, Pengurus di PricewaterhouseCoopers Malaysia dan Eksekutif Kanan di Maybank Group.

Kini, beliau merupakan Ahli Lembaga Prasarana dan MyHSR Corporation Sdn Bhd, kedua-duanya syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) Malaysia.

**Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah**

Ahli

Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, 59, merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan di Kementerian Kewangan.

Sebelum pelantikannya, beliau memegang beberapa jawatan di Kementerian Kewangan termasuk Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) dan di Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa dari 2003 sehingga 2008, Setiausaha Bahagian, Ketua Bahagian Perhubungan Pelbagai Hala, Ketua di Seksyen Ekonometrik dan Ketua Penolong Setiausaha.

Di Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dari 1987 sehingga 1999, beliau telah berkhidmat sebagai Penolong Pengarah Kanan di Unit Penswastaan dan Penolong Pengarah Kanan di Unit Tenaga.

Beliau mempunyai ketulusan Doktor Falsafah dalam bidang Ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Pengurusan Tenaga dan Dasar dari University of Pennsylvania, Amerika Syarikat; dan Ijazah Sarjana Muda dalam Kajian Populasi dari Universiti Malaya.

Kini, beliau merupakan Ahli Lembaga Khazanah Nasional Berhad, Govco Holding Berhad, Cyberview, Malaysia Airlines Berhad (MAB), Bank Negara Malaysia, Petronas, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Tabung Haji, Suruhanjaya Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP).

**Datuk Seri Dr Rahamat Bivi Yusof**

Ahli

Datuk Dr Rahamat Bivi Yusoff, 58, adalah Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Beliau dilantik pada 19 Oktober 2011.

Beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan lebih 30 tahun, bermula sebagai Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai di Kementerian Kewangan dan kemudiannya memegang beberapa jawatan termasuk Pengarah di Bahagian Kontrak, Kementerian Kewangan; Pegawai Projek di Bahagian Makro Ekonomi di Unit Perancang Ekonomi (INTAN) dan Pengarah Bahagian Pembangunan Industri di Suruhanjaya Tenaga.

Sebelum memegang jawatan sekarang, beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan dan bertanggungjawab atas Bahagian Sistem dan Kawalan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Sosial (Ekonomi) (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia dan Ijazah Sarjana dalam bidang Ekonomi dari University of Western Michigan, Amerika Syarikat. Beliau juga memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dari Australian National University.

Beliau merupakan ahli lembaga untuk agensi-agensi seperti Ekuiti Nasional Bhd (EKUINAS), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Beliau juga adalah ahli majlis Iskandar Regional Development Authority (IRDA), Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA), Sarawak Corridor of Renewable Energy dan East Coast Economic Region Development Council (ECERDC).

# Lembaga Pengarah

Datuk Che Mokhtar Che Ali

Ahli

Datuk Che Mokhtar Che Ali, 62, adalah pengasas dan rakan kongsi di Tetuan Che Mokhtar & Ling, sebuah firma guaman di Kuala Lumpur.

Hampir 30 tahun sebagai seorang pengamal undang-undang, beliau telah berkhidmat sebagai ahli Panel Jawatankuasa Tatatertib dalam Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam dan pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa tersebut.

Beliau juga pernah dilantik sebagai Notari Awam oleh Peguam Negara. Sebagai seorang peguam, beliau pernah mengendalikan kes-kes bagi pelbagai syarikat awam dan swasta, institusi perbankan, pemaju-pemaju dan badan-badan berkanun seperti Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sains Politik dan Pentadbiran Awam) dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Victoria University of Wellington, New Zealand. Beliau diterima sebagai Peguamcara dan Peguambela di Mahkamah Agung New Zealand dalam tahun 1980 dan tiga tahun kemudiannya sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Mala. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Majistret dan Timbalan Pendakwa Raya.

Beliau kini memegang jawatan Pengarah, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan ahli Jawatankuasa Pencalonan di Sumatec Resources Bhd. Beliau juga adalah pengarah dalam beberapa syarikat, termasuk KYS College Sdn Bhd yang merupakan pengendali Kolej Yayasan Saad Melaka. Beliau merupakan bekas pengarah Idris Hidraulik Bhd, Idaman Unggul Bhd dan Eco World Development Group Bhd (dahulu dikenali sebagai Focal Aims Holdings Bhd).

Dato' Sutinah Sutan

Ahli

Dato' Sutinah Sutan, 62, adalah bekas Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Beliau adalah wanita pertama yang dilantik sebagai Pesuruhjaya di SPMR.

Sebelum dilantik ke jawatan tersebut pada tahun 2010, beliau telah memegang beberapa jawatan kanan di SPMR termasuk Pengarah Pendidikan Komuniti dan Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan. Beliau juga pernah memegang jawatan Pengarah Negeri Pulau Pinang dan Pahang. Sebelum menyertai SPMR, beliau adalah Pegawai Penyelidik Komunikasi Kanan di Lembaga Perancang Keluarga Negara.

Beliau juga banyak memainkan peranan dan tanggungjawab yang strategik di dalam dan luar negeri. Antaranya ialah Ketua Urusetia kepada Jawatankuasa Urus Tadbir Sektor Awam (sekarang dikenali sebagai Jawatankuasa Integriti dan Urus Tadbir), Pengerusi pasukan petugas yang bertanggungjawab untuk menggubal instrumen audit nilai dalam sektor awam, Pengerusi Rakan Kerja Meja Bulat untuk Ikrr Integriti Korporat, ahli petugas bagi merangka Pelan Integriti Nasional, Ahli Jawatankuasa Urus Tadbir dan Integriti di Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksana (PEMANDU) di Jabatan Perdana Menteri, Penasihat Integriti di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Penasihat Pencegahan Rasuah untuk Pusat Membanteras Rasuah dan Kronisme, Kumpulan Pakar Kerja APEC SME untuk Kod Etika Perniagaan, Inisiatif Anti-Rasuah untuk Asia dan Pasifik di bawah ADB-OECD dan Kumpulan Pakar Anti-Rasuah dan Ketelusan APEC.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kemanusiaan dengan Kepujian dari Universiti Sains Malaysia dengan pengkhususan dalam Komunikasi Massa.

**Datuk Dr Ir Abdul Latif Mohd Som**

Ahli

Datuk Dr Ir Abdul Latif Mohd Som, 61, adalah Pengurus Eksekutif KL Prima Consult Sdn Bhd, sebuah firma perundingan kejuruteraan bersaiz sederhana milik Bumiputera yang ditubuhkan oleh beliau pada 1996.

Beliau memulakan kerjayanya di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) apabila beliau berkhidmat sebagai Jurutera Struktur pada tahun 1979. Setelah menerima ijazah lanjutan pada tahun 1983, beliau menyertai Minconsult Sdn Bhd, salah sebuah firma jurutera perunding yang terbesar di Malaysia, dan seterusnya United Engineers (M) Bhd sebagai Jurutera Awam Kanan. Pada 1989, beliau menyertai Sime UEP Bhd sebagai Pengurus Projek, di mana beliau kemudian dinaikkan pangkat menjadi Pengurus Besar SEA Drillers Construction Sdn Bhd, sebuah syarikat subsidiari milik penuh Sime UEP.

Pada 1991, beliau meninggalkan Sime UEP Bhd untuk menjadi Pengarah dan Pemegang Saham Kumpulan Jurutera Maju Sdn Bhd, sebuah firma jurutera perunding sivil dan struktur. Beliau kemudian meninggalkan firma pada 1996 untuk menubuhkan KL Prima Consult Sdn Bhd bersama tiga jurutera profesional yang lain.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains (Kejuruteraan Awam) dari University of Birmingham, United Kingdom dan mendapat lesen Jurutera Profesional beliau pada tahun 1986. Beliau melanjutkan pelajaran di University of Edinburgh di United Kingdom di mana beliau memperolehi Ijazah Sarjana Perniagaan Pentadbiran, diikuti dengan PhD dalam Alam Bina (pengkhususan dalam perniagaan antarabangsa) dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Selangor Darul Ehsan pada tahun 2014.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Majlis Penasihat DBKL dan juga Ahli Lembaga Pengarah di Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).

Beliau juga merupakan Penasihat ICG Global Sdn Bhd, firma perunding pelbagai disiplin profesional yang terbesar buat masa ini, Ahli Majlis Persatuan Kejuruteraan Jalan Malaysia (REAM) dan Pengurus Gabungan Jurutera Perunding Bumiputera Malaysia.

**Encik Ahmad Zubir Zahid**

Ahli

Encik Ahmad Zubir Zahid, 43, merupakan Prinsipal dan Pengarah Zulu Capital Sdn Bhd, sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian yang diasaskan oleh beliau pada tahun 2014. Syarikat ini melabur dalam syarikat-syarikat tidak tersenarai terutamanya dalam industri makanan dan minuman.

Beliau mempunyai lebih daripada tujuh tahun pengalaman dalam industri minyak dan gas luar pesisir, sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO) bagi tiga syarikat pembinaan luar pesisir yang berlainan. Sebelum menubuhkan Zulu Capital Sdn Bhd, beliau adalah CFO Daya Offshore Construction Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Daya Materials Berhad yang menawarkan perkhidmatan pembinaan dasar laut. Sebelum itu, beliau merupakan CFO Labuan Shipyard & Engineering Sdn Bhd, sebuah kontraktor perkhidmatan luar pesisir dan marin, dan SapuraAcergy Sdn Bhd, sebuah kontraktor pembinaan dan kejuruteraan dasar laut-ke-permukaan. Kedua-dua syarikat ini adalah syarikat-syarikat usahasama dalam kumpulan syarikat SapuraKencana Petroleum Berhad.

Sebelum menyertai industri minyak dan gas, beliau menghabiskan lebih daripada satu dekad dalam industri perkhidmatan kewangan sebagai perunding pengurusan, pelaburan bank dan juruaudit di Ethos Consulting, ECM Libra, CIMB Investment Bank dan PwC. Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Chicago Booth School of Business di Amerika Syarikat. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Ekonomi dan Perakaunan dari University of Bristol di United Kingdom pada tahun 1996.

Beliau adalah seorang fello Institute of Chartered Accountants di England and Wales dan ahli bersekutu Institute of Chartered Accountants.


# Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah MRT Corp telah menubuhkan empat jawatankuasa untuk memastikan integriti dan urus tadbir korporat syarikat yang baik.

Empat jawatankuasa tersebut adalah:

- + Jawatankuasa Audit dan Risiko
- + Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran
- + Jawatankuasa Pemberi Maklumat
- + Jawatankuasa Perbankan

Ahli-ahli setiap jawatankuasa terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah.





▲ PANDANGAN HADAPAN:

Pandangan sebuah tren MRT sedang menjalani ujian perjalanan.

## Struktur Organisasi



<b>Operasi dan Pengurusan Aset</b>	<b>Sumber Manusia Strategik</b>	<b>Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan</b>	<b>Perundangan dan Kesetiausahaan</b>
<b>Pengarah</b> Mahmood Abdul Razak	<b>Pengarah</b> Zainudin Ismail	<b>Pengarah</b> Dato' Najmuddin Abdullah	<b>Setiausaha Syarikat</b> David Loo Kean Beng
<b>Pengurusan Aset</b> Akasyah Sabri	<b>Pengurusan Ganjaran</b> Abdul Halik Zainal	<b>Komunikasi Korporat</b> Leong Shen-Li	<b>Projek dan Operasi</b> Fareen Fadzlynaz Mohd Farid
<b>Operasi</b> Ir Ridzuan Abdul Wahab	<b>Perancangan dan Pembangunan</b> Khairunizam Musa	<b>Komunikasi Penjenamaan</b> Syahrul Zuhara Selamat @ Ahmad Kamal	<b>Tanah</b> Mohamed Amin Haron
<b>Dasar dan Perancangan</b>	<b>Pembangunan Organisasi</b> Syarifah Syaniza Syed Khairuldin	<b>Perhubungan Pihak Berkepentingan</b> Soh Chun Hwei	<b>Kesetiausahaan</b>

## Barisan Kepimpinan



Dari kiri ke kanan:

Dato' Sri Shahril  
Mokhtar  
Ketua Pegawai  
Eksekutif

Marcus Levon  
Karakashian  
Pengarah Projek,  
Laluan Sungai Buloh -  
Kajang

Dato' Najmuddin  
Abdullah  
Pengarah,  
Komunikasi Strategik  
dan Perhubungan  
Pihak Berkepentingan

David Loo Kean Beng  
Setiausaha Syarikat

Dato' Amiruddin  
Ma'aris  
Pengarah Projek,  
Laluan  
Sungai Buloh -  
Serdang - Putrajaya



Dato' Mohd Hairul  
Abdul Hamid  
Ketua Pegawai  
Kewangan

Mahmood Abdul  
Razak  
Pengarah,  
Operasi dan  
Pengurusan Aset

Dato' Zainal Adam  
Ketua Pegawai  
Integriti

Zainudin Ismail  
Pengarah,  
Sumber Manusia  
Strategik

Syed Mahdhar  
Syed Hussain  
Pengarah,  
Piawaian dan  
Pematuhan

Dato' Haris  
Fadzilah Hassan  
Pengarah,  
Komersial dan  
Pengurusan  
Tanah

# Ketua-Ketua Bahagian

## Kewangan



**Zarif Zainul**  
Perhubungan Bumiputera



**Hung Siew Ping**  
Pengurusan Kontrak



**Sr Azita Mohamed Tahir**  
Perolehan



**Maz Mirza Mohd Aminurashid**  
Teknologi Maklumat



**Shahruh Fadli Omar**  
Operasi Kewangan



**Nizam Mahadi @ Mohamed**  
Pentadbiran

## Projek Laluan Sungai Buloh-Kajang



Kamarul Baharim Yusoff

Pembinaan Bertingkat



Keith Allenby

Stesen Bawah Tanah dan Terowong



Tarenjit Singh Khella

Sistem Elektrikal dan Mekanikal



Ir Major (R) Mohamed Shuhaidi Omar

Servis Bangunan

# Ketua-Ketua Bahagian

## Projek Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya



**Blaise Mark Pearce**  
Kerja-kerja Bawah Tanah



**Poh Seng Tiok**  
Perancangan dan Reka Bentuk



**Abdul Hamid @ Hamid Abdillah**  
Sistem Elektrikal dan Mekanikal



**Rudyanto Azhar**  
Bas Perantara dan Perancangan Infra

## Komersial dan Pengurusan Tanah



**Mohd Nasri Mohamad Nor**  
Hartanah



**Azhar Abdul Aziz**  
Pengurusan Tanah

## Piawaian dan Pematuhan



**Zur'ain Madon**  
Kualiti dan Jaminan Sistem



**Mohd Yusof Kasiron**  
Kuarters Pekerja, Kesihatan, Keselamatan dan  
Alam Sekitar

## Operasi dan Pengurusan Aset



**Akasyah Sabri**  
Pengurusan Aset



**Ir Ridzuan Abdul Wahab**  
Operasi

# Ketua-Ketua Bahagian


## Sumber Manusia Strategik



Abdul Halik Zainal  
Pengurusan Ganjaran



Khairunizam Musa  
Perancangan dan Pembangunan



Syarifah Syaniza Syed Khairuldin  
Pembangunan Organisasi

## Pengurusan Risiko



Faizatul Farhah Ghazali  
Pengurusan Risiko

## Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan ....



Leong Shen-Li  
Komunikasi Korporat



Syahrul Zuhara Selamat @ Ahmad Kamal  
Komunikasi Penjenamaan



Soh Chun Hwei  
Perhubungan Pihak Berkepentingan

## Perundangan dan Kesetiausahaan .....



Fareen Fadzlynaz Mohd Farid  
Projek dan Operasi



Mohamed Amin Haron  
Tanah

## Integriti

Sebagai pihak yang membangunkan Projek KVMRT, MRT Corp dipertanggungjawabkan akan penggunaan dana awam untuk pembinaan Projek.

Sejurus itu, MRT Corp memberi penekanan yang penting terhadap pelbagai aspek berkaitan urus tadbir yang baik dan integriti. Penekanan ini adalah sejajar dengan prinsip panduan MRT Corp.

Unit Integriti MRT Corp secara berterusan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan urus tadbir yang baik dan integriti dalam organisasi, termasuk menyemai nilai-nilai integriti di kalangan warga kerja MRT Corp dan orang lain yang berurusan dengan organisasi ini.

Dalam mempromosikan urus tadbir yang baik dan mengamalkan integriti di tempat kerja, Unit Integriti telah memperkenalkan Pelan Integriti MRT Corp berdasarkan beberapa dasar:

- + Pendidikan
- + Peningkatan
- + Pencegahan
- + Hukuman
- + Pengiktirafan/Penghargaan

Polisi Integriti yang diperkenalkan untuk menyokong lima dasar tersebut adalah:

- + Polisi Pemberi Maklumat
- + Polisi Pemberian dan Penerimaan Hadiah
- + Polisi Surat Sokongan
- + Polisi Tajaan dan Sumbangan
- + Polisi Pengisyntiharhan Harta oleh semua peringkat warga kerja
- + Kod Etika Pembekal
- + Pakatan Integriti untuk penjual/pembekal
- + Polisi Anti Rasuah

Sepanjang tempoh laporan, tumpuan utama Pelan Integriti adalah kepada pendidikan dan peningkatan untuk mendidik warga kerja, PDP dan vendor tentang budaya integriti dan pengenalan Dasar Integriti.

Beberapa program telah dijalankan semasa tempoh laporan untuk meningkatkan kesedaran dan pelaksanaan berkaitan urus tadbir yang baik dan integriti, iaitu:

- + Program Ceramah Eksekutif melibatkan Barisan Kepimpinan dan semua warga kerja MRT Corp
- + Program Kesedaran Integriti
- + Program Integriti untuk semua warga kerja baru
- + Program Ceramah Eksekutif melibatkan warga kerja Gamuda Bhd dan peserta Program Usahawan Muda MRT II
- + Pelantikan Duta Integriti sebagai wakil Unit Integriti di bahagian masing-masing dan orang tengah untuk menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan integriti
- + Ikrar Bebas Rasuah dan Integriti oleh Barisan Kepimpinan

Dengan inisiatif yang telah diambil untuk memupuk budaya integriti di seluruh organisasi, kajian yang dibuat telah menunjukkan bahawa kesedaran integriti di antara warga kerja telah meningkat.

Sebagai langkah ke hadapan, Unit Integriti akan menumpukan kepada beberapa program untuk memastikan integriti menjadi satu elemen penting dalam MRT Corp:

- + Meneruskan program kesedaran integriti bagi warga kerja dan vendor
- + Memastikan semua warga kerja mematuhi dasar dan prosedur syarikat
- + Menghapuskan peluang untuk rasuah dan penyalahgunaan kuasa melalui kajian perniagaan, pengesahan dan pengesanan serta pemeriksaan mengejut.



▲ **PUSAT TREN:**  
Tren MRT di dalam Depoh MRT Sungai Buloh.

# Projek MRT Lembah Klang

2

# Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang

Projek KVMRT melibatkan pembinaan jaringan pengangkutan awam yang berdasarkan rel yang akan berintegrasi dengan sistem-sistem transit aliran ringan (LRT), monorel, KTM Komuter, KLIA Ekspres dan KLIA Transit. Sistem-sistem pengangkutan rel ini akan menjadi tulang belakang perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang.



**MANTAP:**  
Pandangan udara kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan di Stesen Taman Tun Dr Ismail.

Projek KVMRT telah diluluskan pada Disember 2010 dan merupakan satu Projek Penggerak Ekonomi di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang yang merangkumi Program Transformasi Ekonomi (ETP). Program ini dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) di Jabatan Perdana Menteri.


Projek MRT ini pada mulanya dicadangkan oleh satu konsortium sektor swasta pada awal 2010 dan merangkumi tiga jajaran MRT.

Kerajaan telah membuat kajian atas cadangan tersebut dan meluluskan pelaksanaan Laluan SBK sebagai jajaran pertama MRT. Pembinaan Laluan SBK sepanjang 51km telah dilancarkan secara rasmi pada 8 Julai 2011.

Kelulusan bagi pelaksanaan laluan MRT kedua, Laluan SSP, telah diberikan oleh Kerajaan pada bulan Februari 2014 manakala kelulusan muktamad bagi Skim Keretapi Laluan SSP telah diterima pada bulan Oktober 2015. Majlis rasmi pecah tanah bagi Laluan SSP telah diadakan pada 15 September 2016.

Laluan ketiga MRT dijangka akan terdiri daripada satu laluan lingkaran yang akan menghubungkan kesemua rangkaian rel bandar sedia ada di Lembah Klang. SPAD telah merangkakan koridor bagi Laluan 3 di bawah Pelan Pembangunan Rel Bandar dan pada masa ini, kajian kebolehlaksanaan sedang dijalankan.

# Rangkaian Rel Bandar Berintegrasi Lembah Klang




## Informasi

1 KTM Laluan Seremban	5 LRT Laluan Kelana Jaya	9 MRT Laluan Sungai Buloh - Kajang	Stesen Sambungan	Stesen Bas Antarabandar
2 KTM Laluan Port Klang	6 ERL Laluan KLIA Express	10 KTM Laluan SkyPark	Stesen Pertukaran	Terminal Lapangan Terbang
3 LRT Laluan Ampang	7 ERL Laluan KLIA Transit	11 LRT Laluan Bandar Utama - Klang (Dalam Pembinaan)	Terminal Rel	Medan Kereta
4 LRT Laluan Sri Petaling	8 Laluhan KL Monorel	12 MRT Laluan Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya (Dalam Pembinaan)		

\* Apabila operasi bermula pada tahun 2021, Laluan Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya (Laluan SSP) akan bermula dari Stesen Kwasa Damansara. Ini bererti bilangan stesen bagi Laluan SSP adalah 38 stesen termasuk Stesen Kwasa Damansara, Stesen Kampung Selamat dan Stesen Sungai Buloh yang sedang dibina di bawah MRT Laluan Sungai Buloh - Kajang (Laluan SBK). Sehubungan itu, Laluan SBK juga akan bermula dari Stesen Kwasa Damansara. Ini akan mengurangkan bilangan stesen Laluan SBK dari 31 ke 29 stesen.



▲ **PLATFORM:**  
*Pandangan platform Stesen MRT Sungai Buloh.*



# MRT Laluan Sungai Buloh - Kajang

3

# MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang

Laluan SBK sepanjang 51km merupakan laluan pertama Projek KVMRT. Laluan ini bermula dari Sungai Buloh, yang terletak di barat laut Kuala Lumpur dan melalui pusat bandar raya ibu kota Malaysia hingga ke lokasi terakhir di Kajang, sebuah bandar yang pesat membangun di tenggara Kuala Lumpur. Laluan ini akan menyediakan perkhidmatan di koridor yang mempunyai penduduk seramai 1.2 juta.

Laluan SBK merangkumi laluan bawah tanah sejauh 9.5km di bawah bandaraya Kuala Lumpur, manakala jarak selebihnya adalah jajaran bertingkat. Laluan ini akan mempunyai 31 stesen di mana tujuh daripadanya adalah stesen bawah tanah.

Fasa Pertama iaitu dari Stesen Sungai Buloh ke Stesen Semantan akan mula beroperasi menjelang akhir tahun 2016. Sementara itu, Fasa Kedua iaitu dari Stesen Semantan ke Stesen Kajang akan mula beroperasi menjelang Julai 2017 dan tren MRT akan dapat melalui keseluruhan laluan dari Sungai Buloh ke Kajang.

Setiap daripada 58 set tren bagi Laluan SBK mempunyai empat gerabak dengan jumlah kapasiti sebanyak 1,200 penumpang.

Bilangan penumpang harian dianggarkan mencapai 400,000 orang. Keretapi akan beroperasi dengan kekerapan setiap 3.5 minit pada waktu puncak.



▲ **PANDANGAN MALAM:**  
*Pandangan udara Stesen Pusat Bandar Damansara pada waktu senja.*



▲ **LALUAN BERPANDU:**  
*Landasan MRT di sepanjang Jalan Sungai Buloh.*

# Peta SBK Laluan

## Pembinaan

Peranan utama Bahagian Projek Laluan SBK adalah untuk menguruskan pembinaan laluan berteningkat, depoh, terowong dan stesen-stesen MRT termasuk pemasangan semua kelengkapan sistem elektrikal dan mekanikal, supaya dapat menghasilkan sebuah sistem keretapi yang memenuhi piawaian dan mendapat kelulusan penuh untuk beroperasi.

Pasukan Projek mempunyai dua peranan utama. Bagi pembinaan jajaran berteningkat dan pemasangan sistem mekanikal dan elektrikal, pasukan ini bertanggungjawab memantau kerja-kerja yang diselia secara langsung oleh PDP.

Manakala bagi kerja-kerja bawah tanah, MRT Corp menyelia secara langsung pelaksanaan kerja-kerja tersebut dan mengendali kontraktor kerja bawah tanah secara langsung berkaitan keselamatan, kualiti dan tahap kemajuan kerja.

Laluan SBK akan dibuka dalam dua fasa. Fasa Pertama yang merangkumi 21km jajaran berteningkat dari Stesen Sungai Buloh ke Stesen Semantan akan dibuka pada bulan Disember 2016.

Fasa Kedua pula akan dibuka pada bulan Julai 2017 dan merangkumi bahagian terowong dan jajaran berteningkat di bahagian selatan, bermula dari Portal Utara Semantan dan terus ke Stesen Kajang.

Pada 30 September 2016, Laluan SBK telah 92.5% siap.

### Kerja-Kerja Bertingkat

Kerja-kerja bertingkat merangkumi lapan pakej kerja bertingkat membina jejambat untuk satu dan dua landasan sejauh 40km. Pakej ini termasuk pembinaan 24 stesen berteningkat dan dua depoh, satu di Sungai Buloh dan satu lagi di Kajang.

Pembinaan kemudahan tempat letak kereta berteningkat yang dihubungkan ke stesen juga termasuk dalam skop kerja-kerja bertingkat.

Pada 30 September 2016, kerja-kerja bertingkat bagi Fasa Pertama hampir siap, dengan kerja-kerja sedang dijalankan melibatkan kemasan luar stesen dan pintu masuk, kerja-kerja seni bina dan kerja-kerja di tapak.

Struktur stesen-stesen Fasa Kedua telah siap dan kerja-kerja seni bina sedang dijalankan. Kerja-kerja bagi bahagian bertingkat selatan ialah 87.03% siap. Semua stesen berteningkat bagi Fasa Kedua telah siap dipasang bumbung dan semua bilik peralatan sistem telah diserahkan kepada kontraktor pakej kerja sistem mekanikal dan elektrikal yang berkaitan.



**HAMPIR SIAP:**  
Pandangan platform Stesen Kwasa Damansara yang akan digunakan untuk kedua-dua Laluan SBK dan Laluan SSP.



▲ **BAWAH TANAH:**  
Pandangan trek di aras platform Stesen Tun Razak Exchange.



▲ **SEDANG DIJALANKAN:**  
kerja-kerja pelapik keluli dinding sedang dijalankan di dalam Stesen Tun Razak Exchange.

## Kerja-Kerja Bawah Tanah

Kerja-kerja bawah tanah melibatkan pembinaan terowong berkembar sepanjang 9.5km dan tujuh stesen bawah tanah.

Pada 30 September 2016, kerja-kerja bawah tanah ialah 94.04% siap.

Pembinaan bagi semua stesen termasuk kerja seni bina telah siap. Di semua stesen, kerja-kerja mekanikal dan elektrikal berada di peringkat pemasangan kedua ataupun terakhir. Kerja-kerja seni bina seperti pemasangan lantai granit, pelapisan dinding dan pemasangan siling sedang dijalankan dan dijangka siap pada akhir tahun.

Kerja-kerja landasan di dalam terowong telah siap dan kerja-kerja berkaitan pemasangan landasan seperti kerja-kerja sistem pengkabelan telah 68% siap.

## Kerja-Kerja Sistem Mekanikal dan Elektrikal

Pada 30 September 2016, kerja-kerja sistem mekanikal dan elektrikal telah 93.18% siap.

Sebanyak 46 set tren elektrik telah dihantar ke Depoh Sungai Buloh untuk diuji. Set-set tren ini sudah mencukupi bagi Operasi Fasa Pertama di mana hanya 24 set diperlukan.

Kerja-kerja landasan bagi keseluruhan laluan telah siap, termasuk bahagian bawah tanah. Pengisaran awal telah selesai bagi landasan-landasan, kecuali di bahagian bawah tanah.

Sistem semboyan pula telah 91.56% siap dan kini tertumpu kepada pengujian dan memperbaiki keutuhan sistem.

Pemasangan pintu platform automatik telah siap bagi kesemua stesen di kedua-dua bahagian bertingkat jajaran utara dan selatan. Pemasangan pintu skrin platform sedang dijalankan di semua stesen bawah tanah dan telah 90.83% selesai.

Pada akhir tempoh laporan, kesemua Ujian Pasca Pemasangan Sistem telah siap dan Ujian Penerimaan Sistem sedang dijalankan. Ujian Integrasi Sistem juga telah bermula.

## Kesediaan Operasi



▲ **OPERASI:**  
Pandangan dalam Bilik Pusat Kawalan Operasi MRT yang terletak di Depoh MRT Sungai Buloh.

Operasi Laluan SBK akan dikendalikan oleh Rapid Rail Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Prasarana.

Fasa Pertama Laluan SBK akan diserahkan kepada Rapid Rail pada 15 Oktober 2016 untuk membolehkan mereka meneruskan aktiviti-aktiviti percubaan sebelum operasi bermula pada bulan Disember tahun yang sama.

Semasa dalam tempoh laporan ini, Pasukan Petugas yang ditubuhkan untuk memantau pelbagai disiplin operasi bagi kesediaan operasi sangat aktif dalam menyelesaikan isu-isu dan

menyediakan laporan bulanan untuk Kumpulan Kerja Kesediaan Operasi untuk mendapatkan hala tuju.

Tambahan pula, Mesyuarat Pengendali telah diadakan yang mana isu-isu melibatkan hal-hal operasi telah dibincangkan dan diselesaikan.

Pasukan Petugas, Mesyuarat Pengendali dan Kumpulan Kerja Kesediaan Operasi terdiri daripada wakil-wakil daripada MRT Corp, Prasarana atau anak syarikatnya Rapid Rail dan Jurutera Penasihat Persendirian.

## Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT

Pada 30 Jun 2016, Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT antara MRT Corp dan Rapid Rail telah ditandatangani, yang mana secara rasminya Rapid Rail dilantik menjadi pengendali bagi Laluan SBK.

Perjanjian ini mengandungi perjanjian utama bersama dengan lampiran.

Tempoh konsesi ialah 10 tahun dengan pilihan lanjutan selama lima tahun. Di bawah terma perjanjian, Rapid Rail sebagai pengendali akan menjalankan operasi dan menyelenggara Laluan SBK, dan menerima semua hasil daripada tambang.

MRT Corp sebagai pemilik aset Laluan SBK, akan menerima semua hasil bukan tambang termasuk pengiklanan, tempat letak kereta, ruang niaga, telekomunikasi dan pembangunan hartanah.

Perjanjian pengendalian yang serupa akan dibuat bagi operasi bas perantara yang sedang dirundingkan semasa dalam tempoh laporan.

## Bahagian Operasi dan Pengurusan Aset

Bahagian Operasi dan Pengurusan Aset telah ditubuhkan pada akhir tahun kewangan yang lepas untuk menyelia aspek operasi Laluan SBK.

Menurut Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT yang telah ditandatangani pada 30 Jun 2016, Rapid Rail sebagai pengendali operasi akan menjalankan peranan dengan lebih terperinci dan juga mengekalkan hasil tambang bagi Laluan SBK. Selain mengendalikan Laluan SBK mengikut undang-undang, peraturan-peraturan dan Plan Operasi yang telah diluluskan oleh SPAD, pengendali juga akan menyelenggara aset menurut Petunjuk Prestasi Utama yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT dan pemasaran perkhidmatan kepada orang ramai.

Atas sebab ini, Jabatan Komunikasi Pemasaran yang ditubuhkan di dalam bahagian ini dibubarkan. Namun begitu, Jabatan Dasar dan Perancangan telah ditubuhkan untuk menjalankan pemantauan kawal selia industri dan menguruskan hubungkait dengan pihak penyelia dan agensi-agensi kerajaan.

Dua jabatan lain di dalam bahagian ini ialah Jabatan Operasi dan Jabatan Pengurusan Aset yang akan mengawasi aset-aset yang digunakan oleh Pengendali semasa mengendalikan operasi dan juga menyelenggarakan Laluan SBK.

## Bas Perantara

Semasa tempoh laporan, MRT Corp telah menubuhkan Jabatan Perancangan Infrastruktur dan Bas Perantara untuk menangani isu kesinambungan peringkat pertama dan terakhir perjalanan apabila menggunakan MRT.

Skop utama kerja jabatan ini adalah perolehan, pemasangan dan pentauihan sistem bas dan bas perantara serta pembinaan depoh bas perantara. Tugas-tugas lain termasuk pemasangan tiang perhentian bas di sepanjang laluan bas perantara, memberi cadangan tentang reka bentuk stesen berkaitan keperluan hentian bas dan memantau kebolehlaksanaan teknologi alternatif bas.

Bagi Laluan SBK, jabatan ini telah memperoleh 300 bas Scania dan Volvo untuk memberi perkhidmatan rangkaian bas perantara. Secara keseluruhan, terdapat 49 laluan bas yang akan memberi perkhidmatan bagi kawasan yang terletak di antara 3km dan 5km radius dari stesen MRT. Bas-bas ini akan beroperasi dengan kekerapan 10 minit ke 15 minit.

Sebanyak 160 bas perantara akan dihantar bagi operasi Fasa Pertama, yang akan meliputi 26 laluan bas.

Bas-bas perantara MRT akan dilengkapi dengan sistem tiket kad tunai dan juga sistem pengesan GPS yang akan dipantau oleh Pusat Kawalan Bas Perantara di Depoh Bas Perantara Sungai Buloh.

Bas-bas akan mula beroperasi dari Depoh Bas Perantara Sungai Buloh, yang sedang dalam pembinaan bagi operasi Fasa Pertama Laluan SBK pada bulan Disember 2016 semasa tempoh laporan, dan juga Depoh Bas Perantara Desa Tun Razak dan Kajang, yang akan digunakan bagi operasi Fasa Kedua.

Sama seperti tren-tren MRT, bas-bas perantara bagi Laluan SBK akan dikendalikan dan diselenggara oleh Prasarana melalui anak syarikatnya, Rapid Bus. Bas-bas akan dilitipi dengan jenama MRT.

◀ **BAS PERANTARA:**  
Sebuah bas perantara yang akan beroperasi untuk fasa satu Laluan SBK.



## Perolehan

Proses perolehan bagi MRT Laluan SBK telah siap semasa tempoh laporan dengan kesemua 91 pakej kerja, termasuk bas perantara dan kerja-kerja yang berkaitan, telah berjaya dianugerahkan.

Pakej kerja terakhir telah dianugerahkan pada 5 Mei 2016 untuk Pakej Sign U bagi membekal dan menghantar papan-tanda bagi semua stesen bawah tanah dan bangunan tambahan. Jadual 1 menunjukkan rumusan status perolehan pada 30 September 2016.

Pada Tahun Kewangan 2015/2016, sebelas pakej kerja berjumlah RM602 juta telah dianugerahkan (Lihat Jadual 2).

Sembilan Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehenti telah diadakan untuk mempertimbangkan tender bagi Laluan SBK dan seterusnya meluluskan tender semasa tempoh laporan. Jadual 3 memberi rumusan mesyuarat.

Jadual 1: Status Perolehan

No.	Kategori Pakej Kerja	Dianugerahkan Antara 1 Oktober 2015 dan 30 September 2016	Dianugerahkan Pada 30 September 2016
1.	Bawah Tanah	-	1
2.	Kerja-kerja Awalan	-	22
3.	Laluan Bertingkat	-	8
4.	Stesen Bertingkat	-	8
5.	Depoh	-	2
6.	Tempat Letak Kereta Bertingkat	-	6
7.	Sistem	-	13
8.	Perolehan Berpusat	4	24
9.	Jejantas	1	1
10.	Jumlah Kecil berdasarkan Strategi Perolehan Laluan SBK (a)	5	85
	Bas Perantara dan Kerja Berkaitan	6	6
	Jumlah Kecil Bas Perantara dan Kerja Berkaitan (b)	6	6
	<b>JUMLAH (a+b)</b>	<b>11</b>	<b>91</b>

**Jadual 2 : Kontrak Yang Telah Dianugerahkan Bagi Laluan SBK Semasa Tahun Kewangan 2015/2016**

	Kategori	Pakej Kerja	Tarikh Penganugerahan	Kontraktor
01	Perolehan Berpusat	<b>Package OFF</b> Bekalan, Penghantaran dan Pemasangan Perabot Pejabat bagi Semua Stesen Bertingkat dan Stesen Bawah Tanah, Depoh dan Letak Kenderaan Bertingkat	3 Mei 2016	Puncak Bumi Utama Sdn Bhd
02	Perolehan Berpusat	<b>Package Sign-E1</b> Bekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Papan Tanda Wayfinding, Papan Tanda Penyelenggaraan dan Operasi untuk Bahagian Jajaran dan Stesen Bertingkat bagi Paket V1, V2,V3 dan V4	3 Mei 2016	Puncak Bumi Utama Sdn Bhd
03	Perolehan Berpusat	<b>Package Sign-E2</b> Bekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Papan Tanda Wayfinding, Papan Tanda Penyelenggaraan dan Operasi Bahagian Jejambat dan Stesen Bertingkat bagi Paket V5, V6, V7 dan V8	3 Mei 2016	Kemakmuran 2000 Sdn Bhd
04	Perolehan Berpusat	<b>Package Sign-U</b> Bekalan dan Penghantaran Papan Tanda Semua Stesen Bawah Tanah dan Bangunan Tambahan	5 Mei 2016	S&I Urban Designers Sdn. Bhd.
05	Jejantas	Pembinaan dan Penyiapan Laluan Penghubung Pasar Seni dan Kerja-Kerja Lain Berkaitan antara Stesen LRT Pasar Seni dan Stesen KTM Kuala Lumpur	24 Mac 2016	Trans Resources Corporation Sdn Bhd
06	Bas Perantara dan Kerja-Kerja Berkaitan	Pembuatan, Bekalan, Penghantaran, Pengujian, Pentaulahan dan Jaminan 150 unit <i>Completely-Knocked-Down</i> (CKD) Bas Perantara Diesel 10 meter	8 Okt 2015	Scania (Malaysia) Sdn Bhd
07	Bas Perantara dan Kerja-Kerja Berkaitan	Pembuatan, Bekalan, Penghantaran, Pengujian, Pentaulahan dan Jaminan 150 unit <i>Completely-Knocked-Down</i> (CKD) Bas Perantara Diesel 10 meter	8 Okt 2015	Volvo Malaysia Sdn Bhd
08	Bas Perantara dan Kerja-Kerja Berkaitan	Rekabentuk, Pembuatan, Penghantaran, Integrasi, Pengujian, Pentaulahan dan Jaminan Sistem Bas Perantara MRT	24 Nov 2015	LG CNS Malaysia Sdn Bhd

	Kategori	Pakej Kerja	Tarikh Penganugerahan	Kontraktor
09	Bas Perantara dan Kerja-Kerja Berkaitan	Cadangan Membina Sebuah Depoh Bas dan Kemudahan Sokongan Berkaitan Bagi Projek KVMRT, Jajaran SBK di atas Lot 81520 Seluas 10.55 ekar, Seksyen U4, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan bagi MRT Corp	7 Okt 2015	Perkasa Jauhari Sdn Bhd
10	Bas Perantara dan Kerja-Kerja Berkaitan	Cadangan Membina Sebuah Depoh Bas dan Kemudahan Sokongan Berkaitan bagi Projek KVMRT, Jajaran SBK di atas Lot 24728, Jalan Sungai Sekamat, 43000 Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan bagi MRT Corp	25 Mac 2015	Potensi Cekal Sdn Bhd
11	Bas Perantara dan Kerja-Kerja Berkaitan	Cadangan Membina Sebuah Depoh Bas dan Kemudahan Sokongan Berkaitan bagi Projek KVMRT, Jajaran SBK di atas Lot 2816 (Pa 14383), Persiaran 2/118c, Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak, Mukim Petaling, Daerah Petaling, 56000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi MRT Corp	4 Mei 2015	PASDEC Bina Sdn Bhd

Jadual 3 : Mesyuarat Proses Perolehan Bagi Laluan SBK

No.	Jenis Mesyuarat	Mesyuarat Telah Diadakan Antara 1 Oktober 2015 dan 30 September 2016	Jumlah Mesyuarat Yang Telah Diadakan Sehingga 30 September 2016
1.	Jawatankuasa Kerja	13	126
2.	Jawatankuasa Teknikal Sehenti	12	89
3.	Jumlah Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehenti (OSPC)	9	44
	a) OSPC III	4	23
	b) OSPC II	4	13
	c) OSPC I	1	8

## Tanah

### Pengambilalihan Tanah

Pengambilalihan tanah bagi Laluan SBK kini di dalam peringkat pasca-pengambilan.

Di bawah Seksyen 25 Akta Pengambilan Tanah 1960, dan Seksyen 62 dan 76 Kanun Tanah Negara 1965, dan juga berhubung dengan Bab 83 dan 85 Perlembagaan Persekutuan, kaji selidik hak milik tetap untuk Sambungan Hak Milik bagi tanah yang sebahagiannya telah diambil, perizaban tanah dan pemberian tanah di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan harus dilaksanakan.

Kemajuan keseluruhan bagi proses ini ialah 78% pada hujung tempoh laporan telah diambilalih.

### Perjanjian Bersama

Istilah Perjanjian Bersama digunakan oleh MRT Corp untuk satu skim yang membolehkan kewujudan bersama tanah milik persendirian dengan jajaran MRT dalam beberapa situasi yang terhad.

Skim ini membentarkan beberapa pemilik yang pada asalnya tanah mereka akan diambil di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk mengekalkan hak milik tanah mereka tertakluk kepada syarat hak milik tanah yang menggambarkan kewujudan struktur MRT.

Pindaan 2016 Kanun Tanah Negara 1965 dan Akta Hak Milik Strata 1985 akan membantu penggunaan Perjanjian Bersama dengan adanya penjelasan yang lebih telus untuk pelaksanaan hak milik strata bagi bawah tanah.

Pada 30 September 2016, jumlah Perjanjian Bersama yang telah ditandatangani bagi Laluan SBK kekal pada 50.

### Rumusan Pengambilalihan Tanah

	Kuala Lumpur	Selangor	Jumlah
Pengambilalihan Tanah			
Bilangan Lot yang Diambil	74	241	<b>315</b>
Jumlah Bayaran Pampasan (RM juta)	943	638	<b>1,581.0</b>
Bantahan Mahkamah (Borang N)			
Bilangan Kes yang telah Selesai	32	106	<b>138</b>
Jumlah Bayaran (RM juta)	117.1	23.64	<b>140.73</b>
Jumlah Bayaran Pampasan Selepas Penyelesaian Kes (RM juta)	1,060.1	661.64	<b>1,721.73</b>

## Kuarters Pekerja MRT



▲ **KEDIAMAN DI PERANTAUAN:**  
Pandangan Kuarters Pekerja Cheras.

Konsep Kuarters Pekerja MRT telah diperkenalkan oleh MRT Corp dengan harapan untuk mewujudkan satu penanda aras baru bagi penempatan pekerja dalam industri pembinaan.

Tujuan Kuarters Pekerja MRT ditubuhkan adalah untuk menyediakan tempat tinggal yang selesa, selamat dan terancang untuk pekerja MRT, tempatan mahupun asing. Kuarters Pekerja MRT direkabentuk agar serba lengkap dengan tempat tinggal yang selesa, kedai, bilik rawatan, surau dan kemudahan beriadah.

Kejayaan amalan perumahan pekerja Projek KVMRT telah menjadi asas tanda aras baru bagi tempat tinggal pekerja sementara di bawah Piawaian Malaysia MS 2593:2015 dan telah diterima oleh Jabatan Piawaian Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada tahun 2015.

Sejumlah 11 Kuarters Pekerja MRT telah dibangunkan bagi pembinaan Laluan SBK di Sungai Buloh, Cochrane, Cheras dan Kajang.

Memandangkan pembinaan laluan hampir selesai, beberapa Kuarters Pekerja MRT telah ditukar menjadi tempat tinggal pekerja bagi Laluan SSP. Tiga Kuarters Pekerja MRT di Sungai Buloh dan satu di Cochrane bagi Kerja Bawah Tanah sedang ditukar bagi kegunaan Laluan SSP.

Manakala, tiga Kuarters Pekerja MRT yang lain di Sungai Buloh (bagi Pakej Kerja V1, MSPR1 dan Depoh 1) dan dua di Kajang (bagi Pakej Kerja V7 dan V8) masih didiami oleh pekerja Laluan SBK semasa tempoh laporan.

## Penyertaan Bumiputera

Selaras dengan Agenda Bumiputera Kerajaan, satu sasaran telah ditetapkan bagi MRT Corp untuk memastikan sekurang-kurangnya 43% daripada semua nilai kontrak bagi Laluan SBK dianugerahkan kepada kontraktor Bumiputera.

Pada akhir tempoh laporan, 42 daripada 85 pakej kerja di bawah strategi asal perolehan bagi pembinaan Laluan SBK telah dianugerahkan kepada kontraktor Bumiputera, berjumlah RM10.52 bilion.

Sejumlah 50% daripada keseluruhan nilai kontrak telah dianugerahkan bagi Laluan SBK, melebihi sasaran 43% penyertaan Bumiputera yang telah ditetapkan oleh Kerajaan bagi Projek KVMRT.

Selain penyertaan syarikat-syarikat besar, MRT Corp juga perlu memastikan kontraktor-kontraktor Bumiputera yang lebih kecil dari Gred 1 hingga ke Gred 4 di bawah sistem penggredan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan mendapat peluang untuk melibatkan diri di dalam Projek KVMRT.

Selain menganugerahkan pakej kerja, MRT Corp dan rakan kerja dalam Projek KVMRT juga membantu kontraktor Bumiputera dalam meningkatkan prestasi perniagaan mereka melalui latihan. Segala usaha ini adalah untuk membolehkan mereka bersaing dalam sektor pembinaan dan industri rel tempatan dan juga antarabangsa.

Sebanyak 265 pakej kerja bernilai RM182 juta telah dianugerahkan kepada syarikat-syarikat ini melalui pengundian pada akhir tempoh laporan. Daripada jumlah pakej kerja, 261 pakej kerja telah disiapkan oleh pihak kontraktor terbabit.

Jumlah ini termasuklah 28 pakej kerja bernilai RM20 juta yang telah dianugerahkan kepada syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah Program Usahawan Muda MRT (MYEP I) yang pertama. Sebanyak 24 pakej kerja daripada jumlah keseluruhan 28 pakej kerja telah disiapkan oleh pihak kontraktor terbabit pada akhir tempoh laporan.

### Penyertaan Bumiputera Laluan SBK

Item	Huraian	Sasaran Kerajaan Bagi Bumiputera		Pakej Diberikan Setakat Ini		Pakej Diberikan Setakat Ini (Terbuka)		Pakej Diberikan Setakat Ini Kepada Bumiputera	
		No	RM (Juta)	No	RM (Juta)	No	RM (Juta)	No	RM (Juta)
1.	Kerja-kerja Awalan	-	-	22	174	12	91	10	83
2.	Jejambat	3	1,350	8	7,471	4	3,620	4	3,851
i.	- Stesen	3	490	8	-	1	-	7	-
ii.	- Perolehan Pusat	-	-	17	-	8	-	9	-
3.	Sistem/Kerja Bukan Sivil (1)	-	1,800	13	4,054	12	2,734	1	1,320
4.	Depoh	1	400	2	582	-	-	2	582
5.	Tempat Letak Kereta Bertingkat	9	270	6	612	-	-	6	612
6.	Kerja-kerja Bawah Tanah (2)	-	4,250	1	8,229	1	4,155	-	4,074
7.	Perolehan Berpusat	-	-	7	-	4	-	3	-
8.	Laluan	-	-	1	104	1	104	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>16</b>	<b>8,560</b>	<b>85</b>	<b>21,226</b>	<b>43</b>	<b>10,704</b>	<b>42</b>	<b>10,522</b>

Nota :

(1) Pakej Kerja Sistem Mekanikal dan Elektrikal terdiri daripada sekurang-kurangnya 30% penyertaan Bumiputera

(2) Kontraktor Kerja-Kerja Bawah Tanah terdiri daripada 50% penyertaan Bumiputera

## Program Kerjasama Industri

Penglibatan Projek KVMRT dengan Program Kerjasama Industri telah bermula sejak mulanya pembinaan Laluan SBK pada 2011 dengan Program Offset yang sejajar dengan syarat yang telah ditetapkan dalam *Panduan dan Polisi Kebangsaan bagi Program Offset Perolehan Kerajaan*.

Pada tahun 2014, polisi telah diubah menjadi *Panduan dan Polisi Kebangsaan Berkaitan Program Kerjasama Industri dalam Perolehan Kerajaan* dan ini telah membentuk asas bagi kesemua Program Kerjasama Industri (ICP) untuk Projek KVMRT.

ICP terdiri daripada aktiviti-aktiviti yang menambah nilai kepada perolehan yang telah dibuat oleh Kerajaan. ICP terdiri daripada Program Peningkatan Ekonomi (EEP), Perdagangan Timbal-Balas dan Program Offset.

ICP MRT Corp memberi tumpuan kepada pembangunan industri keretapi di Malaysia seperti yang dicadangkan dalam Pelan Hala Tuju Industri Sokongan Keretapi Malaysia 2030. Program ini menyediakan satu platform untuk pembangunan teknologi dan ekonomi di Malaysia dengan menggalakkan pemindahan teknologi dari kontraktor-kontraktor pakej kerja yang berjaya kepada penerima yang terpilih.

Antara manfaat lain secara langsung dan tidak langsung termasuklah promosi bahan dan kandungan tempatan, galakan kepada vendor dan pengeluar tempatan untuk membentuk usahasama dengan syarikat-syarikat antarabangsa yang telah berjaya memenangi kontrak dalam Projek MRT sebagai usaha untuk memupuk pengkomersialan teknologi kepada negara.

Penerima program tidak terhad kepada MRT Corp tetapi juga termasuk operator-operator keretapi yang lain seperti Prasarana dan KTMB. Malah, penerima utama bagi ICP MRT Corp adalah penggiat industri keretapi Malaysia seperti perusahaan kecil dan sederhana, tenaga kerja tempatan dan institusi latihan tempatan.

Bagi Laluan SBK, enam pakej kerja telah dikenalpasti untuk Program Offset iaitu:

- + Kutipan Tambang Automatik
- + Sembilan dan Kawalan Keretapi
- + Keretapi Elektrik
- + Kerja-kerja Landasan
- + Sistem Bekalan dan Pengagihan Kuasa
- + Kerja-kerja Terowong dan Bawah Tanah

Pada 30 September 2016, ICP MRT Corp telah mewujudkan 40 projek offset dengan 227 penerima. Malah, program ini berjaya mewujudkan 303 peluang pekerjaan sementara menyediakan peluang latihan kepada lebih 800 orang.

Program ini mencipta pelaburan berjumlah RM139.8 juta dan jumlah perniagaan bernilai RM1.27 bilion.

Semasa tempoh laporan, ICP Bas Perantara Laluan SBK telah bermula dengan beberapa projek yang telah diluluskan melibatkan Kerja-Kerja Pemasangan Tempatan dan Kandungan Tempatan bernilai RM180 juta Nilai Kredit ICP (ICV).

Perbincangan masih berjalan bagi projek tidak langsung yang akan merangkumi bidang teknologi hijau dan pemindahan teknologi. Program dijangka akan menjana RM240 juta ICV apabila siap pada tahun 2019.



## Manfaat Program Kolaborasi Industri Laluan SBK

No.	Pakej Kerja	Kontraktor Pakej Kerja	Manfaat ICP
01	Kerja Bawah Tanah	MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> <li>+ Pemindahan pengetahuan, pembuatan dan pembekalan Pelapik Terowong Konkrit Pra-Tuang Gentian Keluli di Malaysia</li> <li>+ Pemindahan pengetahuan dan pengeluaran komponen sampingan mesin pengorek terowong di Malaysia</li> <li>+ Pemindahan teknologi bagi penyelenggaraan mesin pengorek terowong</li> <li>+ Data untuk penyelidikan bagi pelbagai universiti</li> </ul>
02	Tren Elektrik	Konsortium Siemens Malaysia Sdn Bhd -Siemens AG-SMH Rail Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> <li>+ Pemindahan teknologi dalam pemasangan tren dan menyediakan kilang pemasangan tren bertaraf antarabangsa</li> <li>+ Pengilangan dan pembekalan kerusi kepada pengilang tren antarabangsa</li> <li>+ Pengilangan dan pembekalan lampu LED kepada pengilang tren antarabangsa</li> </ul>
03	Kutipan Tambang Automatik	Affiliated Computer Services Solutions France SAS	<ul style="list-style-type: none"> <li>+ Pengilangan dan pembekalan pintu tiket automatik bertaraf antarabangsa</li> </ul>
04	Kerja-Kerja Landasan	Mitsubishi Heavy Industries Ltd	<ul style="list-style-type: none"> <li>+ Pengilangan dan pembekalan landasan keretapi</li> </ul>
05	Bekalan dan Pengagihan Kuasa	Usahasama Meidensha – Meiden Malaysia Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> <li>+ Pengilangan dan pembekalan logam dalaman tertutup ‘switchgear’ HV AC</li> <li>+ Pengilangan dan pembekalan peralatan DC</li> <li>+ Pengilangan dan pembekalan Sistem Lampu Biru</li> </ul>
06	Semboyan dan Sistem Kawalan Tren	Bombardier Malaysia Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> <li>+ Pemindahan pengetahuan menerusi penempatan warga kerja dalam Kawalan Tren Berasaskan Komunikasi</li> <li>+ Mengembangkan syarikat tempatan menerusi pensijilan rekabentuk dan pembangunan bagi bidang yang berkaitan dengan Pusat Kawalan Operasi (OCC) dan Ergonomik OCC</li> <li>+ Membentuk syarikat tempatan untuk mencapai piawaian antarabangsa melalui perolehan tempatan</li> <li>+ Akses pasaran antarabangsa bagi syarikat pembuatan tempatan</li> </ul>

## Keselamatan, Kesihatan Dan Alam Sekitar

◀ KESELAMATAN DIUTAMAKAN:  
Seorang pekerja MRT menggunakan tali keselamatan semasa bekerja di tempat tinggi.



Sejak bermulanya Projek KVMRT, MRT Corp sentiasa menetapkan misi untuk melaksanakan projek dengan selamat, tepat pada masanya dan tidak melebihi kos yang ditetapkan, malahan turut memastikan tahap keselamatan, kesihatan dan alam sekitar (SHE) berada di tahap yang tertinggi.

Semasa pembinaan Laluan SBK dijalankan, MRT Corp telah mengadakan pelbagai program, acara, produk dan langkah-langkah penambahbaikan SHE sepanjang tahun laporan.

MRT Corp telah meraikan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia 2016 dengan pelbagai aktiviti yang menggambarkan tema tahun ini, iaitu, "Tekanan Di Tempat Kerja: Cabaran Bersama".

Aktiviti MRT Corp bagi memperingati hari tersebut telah berlangsung selama sebulan dari 28 Mac 2016 sehingga pada hari sambutan, di mana pop kuiz mingguan telah diadakan. Pertandingan fotografi flat-lay juga telah dilangsungkan dengan tema "Makanan Penghilang Tekanan".

Pada hari sambutan 28 April 2016, beberapa program

telah diadakan seperti ceramah pencegahan kebakaran dan keselamatan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat, pemeriksaan kesihatan dan ceramah kesihatan. Pemenang bagi pertandingan pop kuiz dan fotografi flat-lay telah diumumkan pada hari tersebut.



▲ BERPERALATAN LENGKAP:  
Seorang pekerja MRT berpakaian lengkap Peralatan Perlindungan Peribadi semasa di tapak pembinaan.

## Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Dan Perhubungan Awam

### Hal Ehwal Pihak Berkepentingan

Sepanjang tempoh laporan, MRT Corp telah meneruskan usaha berjuma dengan pihak-pihak berkepentingan yang terlibat dalam Laluan SBK.

Memandangkan pembinaan Laluan SBK hampir siap, bilangan sesi perjumpaan telah menurun kepada kurang daripada 20 perjumpaan. Isu-isu seperti kesulitan yang disebabkan oleh lengongan trafik, waktu bekerja di tapak kerja dan gangguan-gangguan lain telah berkurangan.

Perjumpaan bersama pihak-pihak berkepentingan semasa tempoh laporan kebanyakannya memberi tumpuan kepada isu-isu pasca pembinaan seperti landskap. Pertanyaan daripada pihak-pihak berkepentingan pada peringkat ini tertumpu kepada hal perkhidmatan tren seperti tambang tren, penjadualan, kekerapan, kemudahan tempat letak kereta dan juga kemudahan untuk orang kurang upaya.

### Hab Informasi

#### + Pusat Informasi MRT

Dengan Laluan SBK hampir beroperasi dan pembinaan Laluan SSP sedang dijalankan, MRT Corp telah memutuskan untuk memantapkan Pusat Informasi MRT (MIC) dengan mengubah tumpuan dari Laluan SBK kepada memenuhi keperluan bagi Laluan SSP.

Justeru, MIC Damansara Utama yang telah beroperasi sejak bulan September 2014, akan menamatkan operasi pada 15 November 2016. Dua Pusat Informasi MRT dengan tumpuan kepada Laluan SSP telah dibuka di Jalan Sultan Azlan Shah (sebelum ini dikenali sebagai Jalan Ipoh) dan Seri Kembangan.

Semasa tempoh laporan, seramai 648 orang telah melawat MIC Damansara Utama.

◀ **MEMBERI MAKLUMAT:**  
Pengarah Komunikasi  
Strategik dan  
Hal Ehwal Pihak  
Berkepentingan, Dato'  
Najmuddin Abdullah  
memberi penerangan  
di Pusat Informasi MRT.



#### ✚ Kios Informasi MRT

MRT Corp telah mengubahsuai Kios Informasi MRT (MIK) sebelum ini untuk memberi maklumat bagi Laluan SSP. Selepas MIK yang sebelumnya ditutup pada tahun 2014, satu kios baru telah dilancarkan pada bulan Mei 2016 dengan papan informasi dan aplikasi Hawkeye yang bertumpu kepada Laluan SSP. Namun, informasi berkenaan Laluan SBK turut dipaparkan.

#### ✚ Trak Informasi MRT

Trak Informasi MRT (MIT) juga mengalami pengubahsuayaan. Trak telah berhenti beroperasi pada bulan Disember 2015 dan dilancarkan semula pada bulan Mei 2016 selepas papan informasi ditukar untuk memberi tumpuan kepada Laluan SSP. Seperti dengan MIK, MIT turut mengandungi informasi berkenaan Laluan SBK.

#### ✚ Talian Aduan MRT

MRT Corp mengendalikan talian aduan 24-jam di nombor 1-800-82-6868 untuk orang ramai melaporkan aduan, membuat pertanyaan umum atau memberi maklum balas mengenai Projek MRT.

Ditubuhkan sejak bulan Disember 2011 untuk menguruskan aduan berkaitan Laluan SBK, Sistem Pengurusan Aduan telah menjalani peningkatan sistem semasa tempoh laporan untuk memenuhi keperluan panggilan tambahan memandangkan kerja pembinaan Laluan SSP yang telah bermula.




▲ **INFORMASI MUDAH ALIH:**  
Trak Informasi MRT yang akan merantau di sekitar lokasi yang strategik untuk menyediakan informasi mengenai Projek MRT kepada orang ramai.



▲ **KEMESRAAN:**  
Pelawat di dalam Trak Informasi MRT.

### Ringkasan Bilangan Pelawat Ke Hab Informasi MRT



## Komunikasi Digital

Komunikasi Digital masih terus memberikan MRT Corp peluang untuk menyampaikan informasi berkenaan Projek KVMRT dengan menggunakan pelbagai platform semasa dalam tempoh laporan.

Saluran-saluran seperti laman sesawang dan media sosial digunakan untuk berkongsi berita semasa, maklumat terkini berkenaan Projek, serta menjalankan dan menyokong kempen bagi kedua-dua laluan, Laluan SBK dan Laluan SSP.

Dalam tempoh laporan, laman sesawang MRT [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my) mendapat hampir 200,000 pelawat baru. Halaman yang sering dilawati adalah yang berkaitan dengan informasi kerjaya dan kontrak yang telah dianugerahkan.

Salah satu perubahan utama kepada laman sesawang semasa tempoh laporan adalah pengenalan Halaman Ruang Niaga yang mana aplikasi dalam talian bagi ruang niaga di stesen bertingkat Laluan SBK telah diwujudkan.

Laman Facebook *MRTMalaysia* yang telah mendapat sambutan sebanyak 28,000 “likes” sejak penubuhannya pada 2012. Sambutan untuk satu pos ialah 6,200, terdiri daripada jumlah klik pada pos, reaksi, komen-komen dan juga perkongsian.


Hampir 14,000 pengguna mengikuti akaun Twitter rasmi MRT Corp *@MRTMalaysia* yang bermula pada 2011. Pada bulan November 2015, akaun Twitter telah berjaya disahkan dan memperolehi Lencana Bertanda Biru, menandakan kesahihan akaun.

Manakala akaun Instagram *MRTMalaysia* pula bertambah dua kali ganda jumlah pengikut iaitu sebanyak 5,000 pada 30 September 2016 berbanding hanya lebih kurang 2,000 pada tahun sebelumnya.

Youtube juga merupakan satu lagi saluran yang telah digunakan oleh MRT Corp sebagai medium komunikasi, dengan kira-kira 2,400 pengguna telah melanggan akaun MRT Corp sejak dari tahun 2013.

Bagi kempen media sosial, satu pertandingan telah dianjurkan semasa tempoh laporan bagi Laluan SBK dan undian Pertandingan Reka Bentuk Bangku Projek MRT telah dibuat menerusi Facebook.

Sementara itu, satu siri baru telah diperkenalkan untuk saluran media sosial MRT Corp yang telah meraih sambutan yang menggalakkan iaitu siri “Tahukah Anda?” yang menyediakan fakta dan statistik yang berkenaan bagi Projek KVMRT dengan menggunakan infografik yang menarik.





**ITULAH DIA:**  
Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak memberi perhatian kepada peta laluan di dalam tren semasa lawatan beliau ke Depoh MRT Sungai Buloh.

## Acara

Semasa tempoh laporan, beberapa acara telah diadakan bagi Laluan SBK.

Pada 11 November 2015, Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah melawat Depoh Sungai Buloh dalam pemeriksaan berterusannya bagi memastikan pembinaan Laluan SBK berjalan seperti yang dijadualkan.

Semasa lawatan, Perdana Menteri telah melawat Bengkel Penyelenggaran Stok Keretapi untuk melihat tren yang sedang diuji. Turut hadir dalam lawatan ialah Menteri Kewangan II Datuk Johari Abdul Ghani.

Najib kemudiannya membuat satu lagi lawatan kerja ke Laluan SBK pada 1 September 2016 dan menaiki tren dari Stesen Semantan ke Stesen Phileo Damansara dan kembali ke Stesen Semantan. Semasa di Stesen Phileo Damansara, beliau turun dari tren dan melihat di sekitar stesen.

Pada 26 Februari 2016, Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Reka Bentuk Bangku Projek MRT telah diadakan di Pusat Latihan MRT Lembah Klang di Sungai Buloh untuk mengumumkan pemenang bagi pertandingan itu.

Dianjurkan bersama MRT Corp dan MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd, pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan pelajar mereka bentuk bangku bagi tujuh Stesen Bawah Tanah MRT Lembah Klang.

Sebanyak 133 reka bentuk dari 19 institusi telah dikemukakan. Enam reka bentuk dipilih sebagai pemenang untuk enam stesen bawah tanah iaitu Muzium Negara, Merdeka, Pasar Seni, Tun Razak Exchange, Cochrane dan Maluri.

Tiada pemenang diumumkan bagi Stesen Bukit Bintang. Sementara itu, 15 reka bentuk yang lain dipilih sebagai hadiah sagu hati.



▲ BERJALAN LANCAR:  
*Pandangan udara Stesen Taman Midah.*

# MRT Laluan Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya

4

# MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya

Laluan SSP merupakan laluan kedua yang dibangunkan bagi Projek KVMRT. Laluan ini akan memberi perkhidmatan kepada penduduk di koridor yang bermula dari Sungai Buloh, menerusi pusat Kuala Lumpur dan kawasan pinggiran bandar selatan ke Putrajaya, pusat pentadbiran kerajaan persekutuan Malaysia.



**◀ STESEN AKAN DATANG:**  
Gambaran artist reka bentuk Stesen Laluan SSP yang akan datang.

Jajaran yang panjangnya 52.2km terdiri daripada landasan bertingkat sepanjang 38.7km dan landasan yang melalui terowong bawah tanah sepanjang 13.5km. Laluan ini mempunyai 37 stesen termasuk dua stesen rizab yang terdiri daripada 26 stesen bertingkat dan 11 stesen bawah tanah.


Laluan ini mempunyai 11 stesen pertukaran untuk memudahkan penumpang yang perlu bertukar dari Laluan SSP ke laluan rel yang sedia ada dan akan datang, termasuklah Keretapi Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura. Enam belas stesen akan mempunyai kemudahan letak kereta.

Kerajaan telah memberi kelulusan untuk melaksanakan Laluan SSP pada 2014. Pemeriksaan Awam di bawah Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 telah dijalankan dari bulan Mei sehingga bulan Ogos 2015 untuk mendapatkan maklum balas dan bantahan dari orang ramai.

Kelulusan terakhir bagi Skim Keretapi Laluan SSP telah diberi oleh Kerajaan pada Oktober 2015, dan ini telah membolehkan pengambilalihan tanah dan proses perolehan dijalankan.

Pada 15 September 2016, majlis pecah tanah yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah diadakan di tapak bagi Stesen Putrajaya Sentral, menandakan bermulanya kerja-kerja pembinaan bagi Laluan SSP.

Fasa Pertama dari Stesen Sungai Buloh ke Stesen Kampung Batu akan mula beroperasi pada suku kedua tahun 2021, sementara laluan dari Stesen Kampung Batu ke Stesen Putrajaya Sentral akan mula beroperasi di bawah Fasa Kedua pada suku kedua tahun 2022.



## Pembinaan

Bahagian Projek Laluan SSP menguruskan pembinaan bagi jajaran bertingkat Laluan SSP, depoh-depoh, terowong dan stesen-stesen dan juga sistem mekanikal dan elektrikal yang diperlukan untuk sistem keretapi berfungsi sepenuhnya.

Serupa dengan struktur untuk Laluan SBK, Bahagian Projek Laluan SSP mengendalikan dua bahagian yang berbeza.

Bagi kerja-kerja bertingkat, depoh-depoh, kemudahan bangunan letak kereta bertingkat dan juga pemasangan sistem mekanikal dan elektrikal, bahagian ini menyelia MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd iaitu PDP bagi Laluan SSP, yang secara langsung mengawasi aktiviti-aktiviti pembinaan yang dijalankan oleh kontraktor pakej kerja.

Bagi kerja-kerja bawah tanah, Bahagian Projek Laluan SSP secara langsung menyelia kerja-kerja pembinaan yang sedang dijalankan, terutamanya bagi skop kemajuan, keselamatan dan kualiti.

Pada 30 September 2016, kemajuan pembinaan Laluan SSP pada keseluruhannya adalah pada 1.9%.



**PENGALAMAN SECARA LANGSUNG:**  
Seorang pekerja pembinaan MRT di dalam sebuah lif pembinaan.



**▲ PERINGKAT PERMULAAN:**  
Kerja-kerja penyediaan untuk ujian kerja-kerja cerucuk di tapak Stesen Kepong Baru yang akan datang.

### Kerja-Kerja Bertingkat

Kerja-kerja bertingkat terdiri daripada 10 pakej kerja jejambat bertingkat bagi landasan tunggal dan berkembar sepanjang 38.7km. Ianya turut termasuk pembinaan bagi 24 stesen bertingkat dan satu depoh di Serdang. Dua stesen rizab untuk masa depan juga dirancang.

Pembinaan bangunan letak kereta bertingkat yang akan dibina bersebelahan dengan stesen juga termasuk dalam skop kerja-kerja bertingkat.

Pada 30 September 2016, kerja-kerja bertingkat adalah 2.11% siap, berbanding peratus awal program iaitu 1.98%, lantas meletakkannya lebih awal dari jadual yang telah ditetapkan.

Sejumlah empat pakej kerja jejambat bertingkat, dua pakej kerja galang kekotak bersegmen (SBG) dan satu pakej kerja tanah depoh telah dianugerahkan semasa tempoh laporan. Baki pakej kerja jejambat bertingkat dijangka akan dianugerahkan pada suku terakhir tahun 2016 dan suku pertama tahun 2017.

Aktiviti-aktiviti pra-pembinaan yang melibatkan pembersihan tapak, pemotongan pokok, pemetaan, pemaliman dan penempatan semula utiliti telah dimulakan bagi pakej kerja bertingkat utara dan juga kerja-kerja tanah di Depoh Serdang.

Cerucuk gerek bagi cerucuk kerja telah bermula pada bulan Ogos 2016 dan sedang dijalankan bagi Paket Kerja V201 dan V202.

## Kerja Bawah Tanah

Kerja-Kerja Bawah Tanah bagi Laluan SSP meliputi pembinaan terowong berkembar dan struktur yang berkaitan bagi jajaran bawah tanah sepanjang 13.5km, dan juga bagi 11 stesen bawah tanah.

Proses perolehan bagi Pakej Kerja Bawah Tanah telah dijalankan semasa tempoh laporan. Pra-kelayakan kontraktor telah dijalankan antara bulan Jun dan Julai tahun 2015. Seterusnya, tender telah dibuka pada 30 Oktober 2015 dan ditutup pada 28 Januari 2016 dengan empat permohonan diterima.

Pada 31 Mac 2016, Pakej Kerja Bawah Tanah telah dianugerahkan kepada MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd.

Semasa dalam tempoh laporan, persediaan tapak telah dimulakan di Stesen Sentul Barat, Stesen Titiwangsa, Syaf Penyelenggaraan No.1/Kekotak Penyilangan Landasan, Stesen Kampung Baru Utara, Stesen Ampang Park, Stesen KLCC Timur, Stesen Conlay dan Stesen Bandar Malaysia Utara.

Kerja-kerja awal untuk menempatkan semula Bengkel Penyelenggaraan dan Pengujian Kenderaan Jabatan Kerja Raya di Chan Sow Lin juga telah bermula. Antara kerja lain yang telah dijalankan adalah kerja kaji selidik sebelum pembinaan, kerja penyiasatan geologi dan pemasangan peralatan.

Kilang pengeluaran segmen pelapik terowong telah dipilih di empat lokasi dan bantuan konkrit percubaan telah dijalankan.

Sebuah kilang yang menjalankan kerja penyelenggaraan mesin pengorek terowong (TBM) telah dibina berdekatan Ipoh, Perak untuk menyelenggara TBM yang telah digunakan bagi Laluan SBK untuk kegunaan Laluan SSP. Pada penghujung tempoh kajian, satu daripada lapan TBM telah diselenggara dan berjaya melepas ujian penerimaan kilang. Kerja penyelenggaraan untuk mesin TBM yang kedua telah 70% siap.



**BERJAYA:**  
Satu majlis untuk menyambut selesainya penyelenggaraan untuk mesin pengorek terowong bagi Laluan SSP telah diadakan.

## Kerja Sistem Mekanikal dan Elektrikal

Dalam tempoh laporan, MRT Corp telah menganugerahkan kesemua tujuh pakej kerja sistem mekanikal dan elektrikal bagi Laluan SSP.

Pra-kelayakan bagi petender-petender telah bermula pada tahun kewangan sebelumnya sementara dalam tempoh kajian menyaksikan penyambungan pra-kelayakan petender-petender dan juga permulaan proses tender yang dibuka.

Pakej kerja pertama telah dianugerahkan pada bulan Mei sementara pakej terakhir bagi sejumlah tujuh pakej kerja telah dianugerahkan dalam bulan September.

Pakej-pakej kerja yang dianugerahkan adalah semboyan, sistem kawalan tren dan pintu skrin platform; sistem penyeliaan kawalan bersepadan dan sistem pengurusan penyelenggaraan berkomputer; tren elektrik dan peralatan depoh; kenderaan penyelenggaraan kerja landasan dan tren kerja; bekalan dan pengagihan kuasa; rangkaian radio bersepadan kerajaan (GIRN), telekom komersial (infra) dan sistem teknologi maklumat; dan sistem kutipan tiket automatik.

Berikutnya pelantikan tersebut, mesyuarat permulaan bagi program kerja dan perancangan dengan semua kontraktor-kontraktor pakej kerja telah diadakan. Pada 30 September 2016, penyerahan untuk persetujuan reka bentuk oleh kontraktor-kontraktor pakej kerja telah dijalankan.

## Perolehan

Dalam tahun kewangan yang lepas, peranan Jabatan Perolehan bagi Projek KVMRT telah meningkat daripada hanya menguruskan hal berkaitan Laluan SBK kepada aktiviti lain termasuklah yang berkaitan dengan Laluan SSP yang bertumpu kepada aktiviti pra-kelayakan kontraktor.

Semasa tempoh laporan ini pula, aktiviti perolehan bagi Laluan SSP telah meningkat dengan ketara apabila 23 daripada 68 pakej

kerja berjaya dianugerahkan sehingga 30 September 2016 dengan jumlah nilai sebanyak RM25.72 bilion.

Rumusan status perolehan dipaparkan dalam Jadual 1.

Sebanyak 13 mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehenti (OSPC) telah diadakan semasa tempoh laporan untuk mempertimbangkan tender bagi Laluan SSP dan seterusnya meluluskan tender. Jadual 2 menjelaskan rumusan mesyuarat.

Jadual 1 : Status Perolehan

No.	Kategori Kerja	Pakej Kerja Yang Telah Dianugerahkan Antara 1 Oktober 2015 dan 30 September 2016	Pakej Kerja Yang Telah Dianugerahkan Sehingga 30 September 2016
1.	Kerja-Kerja Awalan:		
	i. Bertingkat	3	3
	ii. Bawah Tanah	5	5
2.	Kerja-Kerja Bawah Tanah	1	1
3.	Penambahbaikan Sambungan	-	-
4.	Infrastruktur dan Sivil:		
	i. Jeambat	4	4
	ii. Depoh	1	1
	iii. Tempat Letak Kereta Bertingkat	-	-
	iv. Stesen	-	-
5.	Kerja-Kerja Sistem	7	7
6.	Pembekal Khusus	2	2
7.	Kontraktor Khusus	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>23</b>	<b>23</b>

Jadual 2 : Mesyuarat Proses Perolehan Bagi Laluan SSP

No.	Jenis Mesyuarat	Mesyuarat Yang Telah Diadakan Antara 1 Oktober 2015 dan 30 September 2016	Mesyuarat Kumulatif Yang Telah Diadakan Sehingga 30 September 2016
1.	Jawatankuasa Kerja	42	55
2.	Jawatankuasa Teknikal Sehenti	24	34
3.	Jumlah Jawatankuasa Perolehan Sehenti (OSPC)	13	18
	i. OSPC III	3	5
	i. OSPC II	4	6
	i. OSPC I	6	7

# Tanah

## Pengambilalihan Tanah

Proses pengambilalihan tanah bagi Laluan SSP telah bermula pada bulan Julai 2015 dengan perwartaan lot-lot tanah yang mungkin diperlukan di bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960. Ini diikuti dengan perwartaan lot-lot tanah bagi pengambilalihan tanah secara wajib di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 pada bulan September 2015.

Pada 30 September 2016, pemilik bagi 24 lot tanah yang telah diambilalih di bawah Fasa Satu bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menerima Borang K yang merupakan notis untuk mengosongkan tanah setelah bayaran penuh pampasan dibuat.

Pembicaraan tanah bagi baki lot tanah yang akan diambilalih di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sedang dilanjutkan. Pada penghujung tempoh laporan, jumlah pampasan yang telah dibayar ialah RM840 juta.

## Persetujuan Bersama

Berdasarkan pengalaman yang diperolehi daripada Laluan SBK, skim perjanjian bersama akan turut dilaksanakan bagi Laluan SSP.

Dalam tempoh laporan, pemilik satu lot tanah di Kuala Lumpur telah menandatangani Perjanjian Bersama dengan MRT Corp. Rundingan sedang dijalankan bersama pemilik-pemilik tanah yang lain, di mana beberapa daripada mereka telah memberi kebenaran kepada MRT Corp untuk memulakan kerja-kerja bagi Laluan SSP di kawasan tanah masing-masing.

Sama seperti situasi di Laluan SBK, beberapa pemilik tanah yang terjejas akibat pembangunan Laluan SSP telah membantah pengambilan tanah mereka dan memohon semakan kehakiman atas proses tersebut. Semasa tempoh laporan, lima semakan kehakiman atas pengambilan tanah disebabkan pembangunan Laluan SSP telah difail.

## Rumusan Pengambilalihan Tanah

	Kuala Lumpur	Putrajaya	Selangor	Total
<b>Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah 1960</b>				
Tarikh Diwartakan	21 Julai 2015	14 Ogos 2015	4 Jun 2015	
Jumlah Lot	675	31	513	1,219
<b>Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960</b>				
Fasa 1	2 Sept 2015	8 Aug 2016	Daerah Petaling: 22 Feb 2016  Daerah Gombak: 22 Feb 2016  Daerah Sepang: 3 Mac 2016	
Jumlah Lot	45	6	142	193
Fasa 2	7 Apr 2016	–	–	
Jumlah Lot	268	–	–	268
Fasa 3	Tarikh belum ditentukan	–	–	
Jumlah Lot	34	–	–	34
<b>JUMLAH</b>	<b>347</b>	<b>6</b>	<b>142</b>	<b>495</b>

## Kuarters Pekerja MRT



◀ SELESA:  
Kuarters Pekerja di Cheras.

Dalam persediaan bagi pembinaan Laluan SSP, tiga daripada enam Kuarters Pekerja MRT (CLQ) di Sungai Buloh yang sebelum ini digunakan untuk menempat pekerja bagi Laluan SBK sedang menjalani kerja-kerja pembersihan dan pengubahsuaian untuk pekerja-pekerja pembinaan Laluan SSP.

Kuarters yang terlibat ialah:

- + CLQ untuk Pakej V3 yang sebelum ini digunakan oleh Mudajaya Corporation Bhd yang akan diambil-alih oleh Sunway Construction Sdn Bhd bagi Pakej V201.
- + CLQ untuk Pakej V2 yang sebelum ini digunakan oleh Gadang Engineering Sdn Bhd yang akan diambil-alih oleh Ahmad Zaki Sdn Bhd bagi Pakej V202, dan
- + CLQ untuk Pakej V4 yang sebelum ini digunakan oleh Sunway Construction Sdn Bhd yang akan diambil-alih IJM Construction Sdn Bhd bagi Pakej V203.

CLQ bagi Kerja-Kerja Bawah Tanah di Cochrane juga akan dibersihkan dan diubahsuaikan untuk dijadikan kuarters pekerja bagi Laluan SSP.

Dua lokasi baru CLQ dalam perancangan ialah di Serdang dan Cyberjaya. Lokasi di Serdang akan mempunyai lima CLQ dengan bangunan tiga-tingkat, manakala lokasi Cyberjaya akan mempunyai tiga CLQ, setiap satu mempunyai tiga aras juga.

Dengan kuarters-kuarters di atas, jumlah bilangan CLQ yang akan didirikan untuk Projek MRT adalah 14 - tiga di Sungai Buloh, dua di Kajang, lima di Serdang, tiga di Cyberjaya dan satu di Cochrane. CLQ ini akan menempatkan 10,000 pekerja pada waktu puncak pembinaan.

## Penyertaan Bumiputera



▲ **USAHAWAN MASA DEPAN:**  
Gambar kumpulan peserta Program Usahawan Muda MRT II.

Kerajaan telah meningkatkan sasaran bagi penyertaan Bumiputera untuk Laluan SSP kepada 45%, dari 43% untuk Laluan SBK.

Pada akhir tempoh laporan, sejumlah RM11.8 bilion nilai kontrak telah dianugerahkan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera. Ini merupakan 47% dari jumlah nilai pakej kerja yang telah dianugerahkan pada waktu tersebut.

Bagi kontraktor-kontraktor Bumiputera kecil, MRT Corp telah mengembangkan kategori syarikat untuk dianugerahkan pakej kerja kepada mereka yang berada di Gred G5 dan G6. Sebelum ini bagi Laluan SBK, hanya syarikat dari Gred G1 sehingga Gred G4 telah diberi peluang untuk ditawarkan kontrak.

Malah, kontrak juga akan dianugerahkan bagi Pakej Kerja Bawah Tanah, yang sebelum ini tidak terlibat bagi Laluan SBK.

Nilai pakej kerja sebanyak RM900 juta telah diperuntukkan untuk kontraktor-kontraktor ini.

Sepanjang tempoh laporan, iklan-iklan Tunjuk Minat untuk kontraktor-kontraktor Bumiputera dari Gred G1 sehingga Gred G4 telah diterbitkan dalam surat khabar tempatan selama empat hari pada bulan Disember dan telah menarik minat sebanyak 1,222 peserta.

Daripada jumlah itu, seramai 892 kontraktor telah berjaya melepas proses saringan dan layak untuk melalui proses pengundian bagi mendapat kontrak. Pengundian pertama dijadualkan untuk suku kedua pada tahun 2017.

Iklan-iklan Tunjuk Minat bagi kontraktor-kontraktor Bumiputera dari Gred G5 dan Gred G6 juga telah diterbitkan di surat khabar tempatan pada 30 September 2015 dan 1 Oktober 2015. Daripada 165 penyertaan, seramai 115 kontraktor berjaya melepas proses saringan.

Pada 12 Ogos 2016, MRT Corp dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) telah menjalin hubungan untuk membolehkan CGC menyediakan pembiayaan bagi kontraktor Bumiputera dari Gred G1 sehingga Gred G4 yang layak yang telah dianugerahkan kontrak di bawah Laluan SSP.

### Program Usahawan Muda MRT Kedua

Semasa tempoh laporan, MRT Corp telah melancarkan Program Usahawan Muda MRT Kedua (MYEP II) berikutan kejayaan Program Usahawan Muda MRT Pertama yang dijalankan bagi Laluan SBK. Satu perkongsian pintar telah ditubuhkan bersama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bagi MYEP II.

Seramai 60 peserta telah dipilih untuk menyertai MYEP II. Mereka akan bersaing bagi 50 pakej kerja yang telah diperuntukkan untuk program ini.

MYEP II telah memperlihatkan beberapa penambahbaikan daripada MYEP I. Ini termasuk program yang lebih mantap disediakan bagi tempoh 12 bulan termasuk sesi latihan intensif industri pembinaan profesional oleh CIDB, kursus latihan motivasi dan pengurusan selama tiga bulan oleh PUNB, dan latihan di tapak selama tiga bulan yang diselia oleh MRT Corp dan PDP.

### Penyertaan Bumiputera Laluan SSP

Item	Butiran	Sasaran Kerajaan Untuk Bumiputera		Penganugerahan Sehingga 30 September 2016		Penganugerahan Sehingga 30 September 2016 (Terbuka)		Penganugerahan Paket Kerja Kepada Bumiputera Sehingga 30 September 2016	
		No	RM (Juta)	No	RM (Juta)	No	RM (Juta)	No	RM (Juta)
1.	Kerja-Kerja Awalan	2	20	8	374.5	3	210	5	164.5
2.	Kerja-Kerja Bawah Tanah (1)	-	6,078	1	15,283	1	7,641.5	-	7,641.5
3.	Kerja-Kerja Sivil Bertingkat	4	2,441	4	4,606.5	2	2,609	2	1,997.5
i.	Stesen	6	1,103	-	-	-	-	-	-
ii.	Pembekal Khusus	4	53	2	369	1	199	1	170
iii.	Kontraktor Khusus	3	60	-	-	-	-	-	-
4.	Depoh	2	283	1	89.4	-	-	1	89.4
5.	Tempat Letak Kereta Betingkat	15	591	-	-	-	-	-	-
6.	Sistem (2)	-	1,262	7	4,643	7	2,821	-	1,822
<b>Jumlah</b>		<b>36</b>	<b>11,891.0</b>	<b>23</b>	<b>25,365.4</b>	<b>14</b>	<b>13,480.5</b>	<b>9</b>	<b>11,884.9</b>

Nota :

(1) Kontraktor Kerja Bawah Tanah merangkumi 50% penyertaan Bumiputera

(2) Paket Kerja Sistem Mekanikal dan Elektrikal merangkumi sekurang-kurangnya 35% penyertaan Bumiputera



▲ **TELITI:**  
Kerja-kerja pembinaan di dalam bilik jentera di stesen bawah tanah.

## Program Kerjasama Industri



▲ **KERJA KERAS:**

Para pekerja sedang menjalankan kerja-kerja pemasangan landasan di dalam terowong Laluan SBK.

Seperti untuk Laluan SBK, Laluan SSP juga tertakluk kepada Program Kolaborasi Industri (ICP).

Walaupun semua pakej kerja belum selesai dianugerahkan, MRT Corp telah menganggarkan sebanyak 18 pakej kerja akan menyumbang kepada Program ICP Laluan SSP. Impak anggaran bagi program ini ialah RM6.9 bilion dalam Nilai Kredit ICP.

Semasa tempoh laporan, MRT Corp telah menjalankan aktiviti pra-pelaksanaan bagi Program ICP Laluan SSP.

Program ICP Laluan SSP akan siap pada tahun 2022 setelah selesai pembinaan Laluan SSP.



**SAMBUTAN MERIAH:**

Individu-individu selepas lawatan ke kilang pemasangan keretapi SMH Rail Sdn Bhd hasil daripada program ICP Laluan SBK.

## Keselamatan, Kesihatan Dan Alam Sekitar

Dengan bermulanya pembinaan Laluan SSP, MRT Corp telah mengambil langkah untuk meningkatkan tahap keselamatan, kesihatan dan alam sekitar (SHE) di tapak kerja.

Jabatan Kuarters Pekerja, Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar di Bahagian Piawaian dan Pematuhan, MRT Corp telah memperkenalkan Modul Induksi SHE MRT untuk Latihan Kad Emas dan Kad Hitam bagi warga kerja yang berada di tapak kerja semasa dalam tempoh laporan.

Modul ini memberi penekanan kepada pengurusan SHE dan pengurusan trafik yang melibatkan Projek KVMRT.


Program latihan Kad Emas dijalankan selama satu hari setengah manakala Kad Hitam pula yang dijalankan untuk Pengurusan Kanan, melibatkan sesi latihan selama setengah hari. Kedua-dua program latihan dijalankan oleh pegawai SHE bagi Projek KVMRT yang berkongsi pengalaman mereka dalam menguruskan SHE bagi Laluan SBK.

Sesi latihan pertama telah bermula pada bulan Ogos 2016. Pada akhir tempoh laporan, lebih kurang 200 warga kerja MRT telah menjalani kedua-dua program latihan tersebut.

Beberapa langkah peningkatan SHE yang diambil oleh PDP dan Kontraktor Pakej Kerja juga turut diperkenalkan semasa tempoh laporan.

Antara langkah yang dibuat adalah Petunjuk Prestasi Utama Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Rakan Pelaksana Projek, Skim Prestasi Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kontraktor Pakej Kerja, Program Induksi KVMRT dan penubuhan Pusat Latihan KVMRT dan kawasan pameran.

Beberapa program kecekapan juga turut dijalankan di Pusat Latihan KVMRT seperti latihan perancah yang telah diiktiraf oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.



DI DALAM TEROWONG: ▶

Seorang pekerja MRT menjalankan pemeriksaan di dalam terowong MRT.

## Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Dan Perhubungan Awam



### ▲ PENYAMPAIAN CEK:

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan MRT Corp Dato' Najmuddin Abdullah menyerahkan cek kepada seorang bekas setinggan yang telah berpindah.

### Hal Ehwal Pihak Berkepentingan

Dalam tempoh laporan, aktiviti hal ehwal pihak berkepentingan yang berkaitan dengan Laluan SBK telah berkurangan manakala aktiviti bagi Laluan SSP pula terus meningkat.

Ini adalah selaras dengan pembinaan bagi Laluan SSP yang telah bermula dalam tempoh laporan. Lebih 130 sesi perjumpaan telah dijalankan dengan pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat bagi Laluan SSP.

Sesi ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada pihak berkepentingan tentang kerja pembinaan yang akan dijalankan. Sesi -sesi ini dilaksanakan oleh kontraktor pakej kerja dengan bantuan PDP dan MRT Corp.

Sesi perjumpaan turut dijalankan dengan pemilik di mana tanah mereka akan diambil sepenuhnya atau sebahagian bagi Laluan SSP.

Memandangkan perbicaraan bagi proses pengambilan tanah berjalan dengan lancar sepanjang tahun 2016, sesi perjumpaan yang dijalankan secara langsung antara MRT Corp dan pemilik tanah yang terlibat telah dapat membantu memudahkan proses perbicaraan.

Dengan lebih banyak pakej kerja yang akan dianugerahkan dan aktiviti pembinaan yang akan bertambah giat dijalankan pada tahun 2017, aktiviti perjumpaan pihak berkepentingan dijangka akan meningkat pada tahun kewangan akan datang.

## Hab Informasi MRT

### + Pusat Informasi MRT

Semasa tempoh laporan, MRT Corp telah menujuhkan dua Pusat Informasi MRT (MIC) yang baru dengan informasi yang menumpukan kepada Laluan SSP. Kedua-dua pusat informasi ini telah menggantikan MIC Damansara Utama yang akan ditutup pada bulan November 2016.

MIC yang baru terletak di Seri Kembangan dan Jalan Sultan Azlan Shah (dahulunya Jalan Ipoh) dan telah dibuka semasa majlis pelancaran hab informasi baru MRT Corp. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah Projek Laluan SSP MRT Corp Dato' Amiruddin Ma'aris pada 30 Mei 2016.

Seperti MIC yang lama, kedua-dua MIC yang baru ini mempunyai papan informasi, risalah dan kaunter maklum balas yang dikendalikan oleh Pegawai Informasi. MIC ini juga dilengkapi dengan aplikasi interaktif Hawkeye yang memaparkan pandangan dari udara 360 darjah bagi keseluruhan Laluan SSP yang panjangnya 52.2km.

Walaupun maklumat kebanyakannya bertumpu kepada Laluan SSP, MIC juga menyediakan maklumat tentang Laluan SBK.

Pada 30 September 2016, seramai 1,475 orang telah melawat kedua-dua MIC.

### + Kios Informasi MRT

Satu Kios Informasi MRT (MIK) yang baru telah dilancarkan bersama dengan Hab Informasi MRT baru yang lain pada 30 Mei 2016. MIK asal yang hanya mempunyai informasi tentang Laluan SBK telah ditamatkan perkhidmatan pada tahun 2014 dan Kios Informasi MRT baru telah dibuat dengan informasi yang bertumpu kepada Laluan SSP.

Seperti yang asal, MIK yang baru selalunya didirikan di pusat membeli-belah, hab transit dan tempat-tempat lain yang mempunyai lalu lintas pejalan kaki yang tinggi yang terletak di sepanjang Laluan SSP. Senarai lokasi bagi MIK terdapat di laman web MRT dan platform media sosial MRT Corp.

Daripada bulan Mei 2016 sehingga akhir tempoh laporan, seramai 11,257 orang telah melawat MIK.

### + Trak Informasi MRT

Trak Informasi MRT (MIT) yang telah diubahsuai turut dilancarkan bersama dengan MIC dan MIK pada bulan Mei 2016. MIT asal yang hanya mengandungi informasi mengenai Laluan SBK telah ditamatkan perkhidmatan pada bulan Disember 2015.

MIT yang pada dasarnya merupakan sebuah pusat informasi mudah alih, bertujuan untuk memberikan akses kepada orang ramai akan informasi mengenai Projek MRT.

MIT telah menjadi terkenal kepada orang ramai dan mencatat seramai 9,898 orang pelawat semasa dalam tempoh laporan.

### + Talian Hotline MRT

Semasa tempoh laporan, Sistem Pengurusan Aduan Talian Hotline MRT telah menjalani naik taraf sistem bagi membolehkan sistem menampung penambahan panggilan memandangkan kerja pembinaan bagi Laluan SSP telah bermula.

Panggilan berkaitan Laluan SSP telah mula diterima semasa tempoh laporan dengan catatan sebanyak 76 panggilan.

## Platform Digital

Platform digital MRT Corp digunakan untuk berkongsi berita semasa, kemajuan terkini mengenai projek dan juga untuk menjalankan atau menjadi sokongan untuk kempen-kempen bagi kedua-dua Laluan SBK dan Laluan SSP.

Antara kempen yang dijalankan bagi Laluan SSP ialah *Get On Board #MRTSSPLINE* dan pertandingan *Take a Selfie*, kedua-duanya telah dijalankan untuk mempromosikan Pemeriksaan Awam Laluan SSP. Pertandingan *Snap and Check-In* pula diadakan untuk mempromosikan pelancaran Hab Informasi baru MRT Corp.

## Acara

Acara yang paling penting bagi Laluan SSP, iaitu Majlis Pecah Tanah yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, telah diadakan dalam tempoh laporan pada 15 September 2016. Majlis ini telah diadakan di tapak kerja Laluan SSP berhampiran dengan Stesen Putrajaya Sentral yang akan datang.

Selain Perdana Menteri, tetamu lain yang hadir di majlis itu ialah Menteri Pengangkutan Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Abdul Rahman Dahlan dan Pengurus SPAD Tan Sri Dato' Seri Dr Syed Hamid Albar.

Pada 30 Mei 2016, MRT Corp telah melancarkan hab informasi baru yang bertumpu kepada Laluan SSP dalam sebuah majlis yang diadakan di Pusat Informasi MRT baru di Seri Kembangan. Pelancaran ini termasuk dua MIC, MIK dan MIT.

Satu kempen media sosial iaitu pertandingan *Snap and Check-In* telah diadakan bersamaan dengan pelancaran hab informasi.



▲ **JAJARAN BAIK:**

Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak melihat peta jajaran Laluan SSP di majlis Pecah Tanah di Putrajaya Sentral pada 15 September 2016.



▲ **MENGHARAPKAN KEJAYAAN:**

Tanda keterujaan terserlah bermulanya pembinaan Laluan SSP semasa Majlis Pecah Tanah yang berlangsung di Putrajaya Sentral pada September 2016.



▲ SELAMAT:

Seorang pekerja MRT menggunakan tali keselamatan semasa bekerja di tempat tinggi.

# Komersial

5



## Komersial



Di bawah Perjanjian Penyerahan dan Operasi MRT yang ditandatangani antara MRT Corp dan Rapid Rail Sdn Bhd, MRT Corp akan menerima semua hasil yang dijana bukan daripada kotak tambang sebaik sahaja Laluan SBK mula beroperasi.

Ini selari dengan status MRT Corp sebagai pemilik aset bagi Laluan SBK.

Jabatan Komersial dan Pengurusan Tanah MRT Corp memainkan peranan untuk memastikan potensi hasil bukan tambang dapat direalisasikan sepenuhnya. Aliran hasil pendapatan yang telah dikenalpasti termasuk dari pengiklanan, ruang niaga, tempat letak kereta, telekomunikasi, teknologi baru, acara, perfileman dan fotografi, dan juga pembangunan harta tanah.

## Hartanah

Jabatan Hartanah MRT Corp ditubuhkan untuk menggalakkan gaya hidup dan Pembangunan Berorientasikan Transit di kawasan sekitar stesen.

Jabatan ini ditugaskan untuk melaksanakan usahasama bagi pembangunan di atas stesen-stesen, tanah di sebelah stesen serta bangunan tempat letak kereta bertingkat sepanjang koridor jajaran MRT. Potensi pembangunan termasuklah pembangunan bersepadu, rumah pangapuri, kompleks-kompleks niaga dan taman hijau.

Perancangan induk yang telah bermula semasa tempoh laporan akan membolehkan pembangunan tanah di sepanjang jajaran dan Pembangunan Berorientasikan Transit dijalankan. Jajaran ini akan menjadi tulang belakang kepada pembangunan ini dengan adanya tren yang menyediakan akses yang baik bagi penduduk yang menetap di pembangunan tersebut.

## Pengiklanan

Pengiklanan telah dikenalpasti sebagai salah satu penyumbang dana utama kepada MRT Corp, di mana pendapatan akan dijana daripada konsesi pengiklanan, hak penamaan stesen dan pengiklanan bas perantara.

Pengiklanan di segmen lain, seperti umpamanya dari platform digital, turut dikaji.

Tender telah ditawarkan pada bulan April 2016 untuk memilih syarikat konsesi bagi tiga pakej pengiklanan untuk Laluan SBK.

Petender yang berjaya telah dipilih berdasarkan gabungan penilaian teknikal dan komersial. Penilaian teknikal melihat kepada kekuatan teknikal, kreativiti, inovasi, pengalaman, kekuatan kewangan dan status undang-undang petender, manakala tawaran komersial dinilai untuk menentukan tawaran komersial yang terbaik untuk MRT Corp, termasuk jaminan minimum tahunan dan perkongsian pendapatan.

Pada 28 September 2016, MRT Corp telah mengumumkan syarikat-syarikat konsesi yang berjaya untuk pakej pengiklanan adalah seperti berikut:

- + **Pakej A** bagi Pengiklanan Stesen kepada Titanium Compass Sdn Bhd
- + **Pakej B** bagi Pengiklanan Bahagian Luar (dari tiang ke jejantas dan bangunan sampingan) kepada Big Tree-Seni Jaya Consortium, dan
- + **Pakej C** bagi Pengiklanan Keretapi kepada Titanium Compass Sdn Bhd.

Tempoh masa ketiga-tiga konsesi adalah 10 tahun.

Aktiviti perniagaan seterusnya yang akan dijalankan adalah hak penamaan stesen yang dijangka akan dilancarkan pada bulan November 2016. Pengiklanan bas akan menyusul kemudian.



▲ **KEMUDAHAN:**  
Kedai di stesen akan memberi kemudahan kepada penumpang.

## Ruang Niaga

Penyewaan ruang niaga di stesen Laluan SBK merupakan satu lagi sumber pendapatan yang penting bagi MRT Corp. Ruang niaga di stesen-stesen akan memenuhi keperluan pasaran transit yang akan mengutamakan barang dan perkhidmatan untuk para penumpang.

Semasa tempoh laporan, ruang niaga bagi 21 stesen bertingkat dengan purata 200 kaki persegi setiap unit telah ditawarkan untuk sewaan. Pemilihan peniaga dijalankan melalui tender yang telah dibuka pada bulan Mac 2016.

Sebanyak 223 permohonan tender daripada 49 buah syarikat telah diterima.

Dalam memilih peniaga yang berjaya, MRT Corp melihat kepada konsep niaga yang kreatif, menarik dan cadangan yang menjana pulangan optimum. MRT Corp juga menggalakkan usahawan Bumiputera untuk mengambil bahagian dan menetapkan sasaran 30% daripada jumlah ruang niaga untuk dianugerahkan kepada mereka.

Permohonan yang berjaya dijangka akan diumumkan pada bulan Oktober 2016.



▲ **LETAK KERETA:**  
Kemudahan bangunan letak kereta bertingkat telah dibina di beberapa stesen.

## Tempat Letak Kereta Bertingkat

Selain daripada menyediakan tempat meletak kendaraan supaya para penumpang dapat menaiki tren untuk ke destinasi, kemudahan Tempat Letak Kereta Bertingkat (MSPR) sepanjang Laluan SBK juga merupakan sumber hasil tambahan kepada MRT Corp melalui kutipan bayaran untuk letak kendaraan.

Terdapat lima bangunan MSPR dengan jumlah 5,173 petak letak kereta dan motosikal di bawah kawalan MRT Corp. Kemudahan MSPR terletak di Stesen Sungai Buloh, Stesen Phileo Damansara, Stesen Taman Midah, Stesen Bukit Dukung dan Stesen Sungai Jernih.

Lain-lain Bangunan MSPR bagi Laluan SBK akan disediakan oleh pihak ketiga di bawah satu perjanjian dengan MRT Corp.

Kesemua Bangunan MSPR akan dilengkapi dengan sistem pengurusan letak kereta terkini dan ciri-ciri keselamatan ruang letak kereta seperti CCTV, butang kecemasan dan pengesan petak letak kereta kosong. Ruang letak kereta khusus bagi golongan kurang upaya turut disediakan.

MRT Corp bercadang untuk mengenakan satu kadar letak kendaraan tetap bagi mereka yang menggunakan perkhidmatan tren MRT dan kadar mengikut jam pula untuk mereka yang meletak kendaraan di Bangunan MSPR tanpa menaiki tren.

Pada akhir tempoh laporan, MRT Corp bersedia untuk menjalankan proses Permintaan Cadangan bagi pelantikan pengendali untuk mengendali, mengurus dan menyelenggara Bangunan MSPR.



▲ **MASA HADAPAN:**  
Teknologi baharu memberi MRT Corp peluang untuk menjana pendapatan.

## Telekomunikasi Komersial

MRT Corp berpeluang untuk mengkomersialkan aset telekomunikasi termasuk kabel gentian optik, sistem telekomunikasi mudah-alih komersial (CMTS), saluran dan lubang sepanjang jajaran MRT.

Aset-aset ini penting untuk pengendali talian mudah-alih dan tetap untuk berhubung dengan rangkaian sedia ada dan menyediakan perkhidmatan berterusan kepada penumpang MRT. Antaranya ialah perkhidmatan “triple play” iaitu data, suara dan video.

Pada bulan Ogos 2016, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah menganugerahkan Lesen Pembekal Kemudahan Rangkaian (NFP) kepada MRT Corp yang sah sehingga 2021. Lesen NFP tersebut merupakan syarat wajib di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi MRT Corp menjalankan perniagaan telekomunikasi komersial.

MRT Corp sedang menyediakan satu Permintaan Cadangan untuk memilih rakan kerja yang sesuai untuk mengkomersialkan aset telekomunikasi.

## Teknologi Baru dan Acara

Beberapa bidang aktiviti komersial telah dikenalpasti di bawah kategori Teknologi Baru termasuklah aplikasi mudah-alih dan platform e-Commerce sebagai sebahagian daripada tawaran dan peningkatan pengalaman pelanggan semasa menggunakan MRT.

Antara bidang yang dikaji termasuklah teknologi hijau dan tenaga solar untuk menyokong inisiatif kehidupan dan ekonomi hijau yang digalakkan oleh Kerajaan.

MRT Corp juga akan menyediakan ruang sewaan di stesen MRT untuk acara dan aktiviti promosi. Tarikan utama ruang tersebut adalah jumlah bilangan besar penumpang yang menggunakan perkhidmatan MRT.

Ruang-ruang ini akan dibuka untuk disewa apabila bermulanya operasi hasil bagi Laluan SBK pada bulan Disember 2016.

Antara bidang lain adalah perfileman dan fotografi yang mana sesi perfileman atau fotografi boleh dijalankan atas dasar sewaan sama ada di stesen mahupun di dalam tren MRT.



▲ TREK LAJU:  
*Pandangan dari hadapan tren MRT di jejambat yang telah siap.*

# Laporan Kewangan

6



# Laporan Kewangan

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 30 SEPTEMBER 2016

		Nilai dalam RM'000	
		2016	2015
<b>Aset</b>			
Hartanah, loji dan peralatan		20,181,393	14,989,233
<b>Jumlah aset bukan semasa</b>	(A)	20,181,393	14,989,233
Aset cukai semasa		1,286	-
Nilai lain yang belum diterima, deposit dan prabayaran		1,274,510	354,546
Tunai dan kesetaraan tunai	(B)	759,253	757,236
<b>Jumlah aset semasa</b>		2,035,049	1,111,782
<b>Jumlah Aset</b>	(A+B)	22,216,442	16,101,015
<b>Ekuiti</b>			
Modal saham		275,000	175,000
Sumbangan daripada Kerajaan Malaysia		20,847,203	15,042,203
Kerugian		(32,280)	(25,983)
<b>Ekuiti untuk pemegang-pemegang Syarikat</b>	(C)	21,089,923	15,191,220
<b>Liabiliti</b>			
Lain-lain pembiutang dan akruan		1,126,519	906,143
Liabiliti cukai semasa		-	3,652
<b>Jumlah liabiliti semasa</b>		1,126,519	909,795
<b>Jumlah liabiliti</b>	(D)	1,126,519	909,795
<b>Jumlah ekuiti dan liabiliti</b>	(C+D)	22,216,442	16,101,015

Penyata yang diaudit di atas perlu dibaca bersama dengan nota-nota penerangan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit untuk tahun kewangan yang berakhir pada 30 September 2016 yang boleh didapati di [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my)

**PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN UNTUK TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2016**

	Nilai dalam RM'000	2016	2015
Pendapatan lain	2,748	841	
Perbelanjaan pentadbiran	(53,375)	(37,927)	
Pendapatan kewangan	39,969	48,642	
Kos kewangan	(11)	(11)	
<b>Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai</b>	<b>(10,669)</b>	<b>11,545</b>	
Perbelanjaan cukai	4,372	(4,366)	
<b>Keuntungan/(kerugian) dan jumlah pendapatan</b>			
<b>Komprehensif/(perbelanjaan) tahunan</b>	<b>(6,297)</b>	<b>7,179</b>	

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI UNTUK TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2016**

	MODAL SAHAM	SUMBANGAN DARIPADA KERAJAAN MALAYSIA	KERUGIAN TERKUMPUL	JUMLAH
<b>Pada 1 Oktober 2014</b>	94,000	10,823,203	(33,162)	10,884,041
Terbitan saham biasa	81,000	(81,000)	-	-
Sumbangan daripada Kerajaan Malaysia	-	4,300,000	-	4,300,000
<b>Keuntungan dan jumlah pendapatan</b>				
<b>Komprehensif tahunan</b>	-	-	7,179	7,179
<b>Pada 30 September 2015/1 Oktober 2015</b>	175,000	15,042,203	(25,983)	15,191,220
Terbitan saham biasa	100,000	(100,000)	-	-
Sumbangan daripada Kerajaan Malaysia	-	5,905,000	-	5,905,000
Kerugian dan jumlah kerugian komprehensif tahunan	-	-	(6,297)	(6,297)
<b>Pada 30 September 2016</b>	<b>275,000</b>	<b>20,847,203</b>	<b>(32,280)</b>	<b>21,089,923</b>

Penyata yang diaudit di atas perlu dibaca bersama dengan nota-nota penerangan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit untuk tahun kewangan yang berakhir pada 30 September 2016 yang boleh didapati di [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my)


**PENYATA ALIRAN TUNAI UNTUK TAHUN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2016**

Nilai dalam RM'000

		2016	2015
<b>Aliran Tunai dari Aktiviti Operasi</b>			
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai		(10,669)	11,545
<i>Pelarasan untuk:</i>			
Susutan nilai harta tanah, loji dan peralatan		6,363	3,288
Harta tanah, loji dan peralatan yang dihapus kira		-	137
Kerugian untuk pelupusan harta tanah, loji dan peralatan		213	-
Pendapatan kewangan		(39,969)	(48,642)
Kos kewangan		11	11
<b>Kerugian operasi sebelum pertukaran modal kerja</b>		(44,051)	(33,661)
<i>Pertukaran dalam modal kerja:</i>			
Nilai lain yang belum diterima, deposit dan prabayaran		(1,137,164)	(127,885)
Lain-lain pembiutang dan akruan		32,201	(352,483)
<b>Wang yang digunakan untuk operasi</b>		(1,149,014)	(514,029)
Faedah dibayar		(11)	(11)
Cukai dibayar		(566)	(1,000)
<b>Tunai bersih yang digunakan untuk aktiviti-aktiviti operasi</b>	(A)	<b>(1,149,591)</b>	<b>(515,040)</b>
<b>Aliran tunai dari aktiviti pelaburan</b>			
Pengambilalihan harta tanah, loji dan peralatan		(4,794,318)	(4,623,096)
Perolehan untuk pelupusan harta tanah, loji dan peralatan		20	-
Faedah diterima		40,906	46,354
<b>Tunai bersih yang digunakan untuk aktiviti-aktiviti pelaburan</b>	(B)	<b>(4,753,392)</b>	<b>(4,576,742)</b>
<b>Aliran tunai dari aktiviti pembiayaan</b>			
Sumbangan dari Kerajaan Malaysia		5,905,000	4,300,000
<b>Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan</b>	(C)	<b>5,905,000</b>	<b>4,300,000</b>
Peningkatan/(penurunan) tunai bersih dan nilai kesetaraan tunai	(A+B+C)	2,017	(791,782)
Tunai dan nilai kesetaraan tunai di permulaan tahunan		757,236	1,549,018
<b>Tunai dan nilai kesetaraan tunai pada akhir tahun</b>		<b>759,253</b>	<b>757,236</b>

Penyata yang diaudit di atas perlu dibaca bersama dengan nota-nota penerangan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit untuk tahun kewangan yang berakhir pada 30 September 2016 yang boleh didapati di [www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my)

# Pakej Kerja Yang Dianugerahkan



# Pakej Kerja Yang Dianugerahkan

**Butir-butir pakej kerja yang dianugerahkan bagi Laluan SBK**

Kerja Awalan				
No.	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
01	<b>AW-1 Pakej A</b> Kajian Keusangan untuk Syaf Pelancaran Semantan dan Cochrane	Cunningham Lindsey Adjusters (M) Sdn Bhd	2-Mac-2011	0.04
02	<b>AW2 - Pakej C</b> Pembinaan dan Penyiapan Platform Bekerja termasuk Kerja Tanah, Jalan Masuk, Kerja-Kerja Saliran, Pencawang TNB, Tembok Penahan, Perlindungan Utiliti dan Kerja Sampingan untuk Syaf Pelancaran Semantan	Menta Construction Sdn Bhd	3-Jun-2011	12.26
03	<b>AW3 - Pakej C2</b> Pembinaan dan Penyiapan Platform Bekerja termasuk Kerja Tanah, Jalan Masuk, Kerja-Kerja Saliran, Pencawang TNB, Tembok Penahan, Perlindungan Utiliti dan Kerja Sampingan untuk Syaf Pelancaran Cochrane	Ragawang Corporation Sdn Bhd	3-Jun-2011	7.26
04	<b>AW4 - Pakej D1</b> Penempatan Semula Kabel Telekomunikasi Sedia Ada dan Kabel Bekalan Kuasa bagi Syaf Pelancaran Cochrane	E.S.S. Engineering Sdn Bhd	27-Mei-2011	0.01
05	<b>AW5 - Pakej D2</b> Penempatan Semula Pembentungan Sedia Ada dan Saluran Air untuk Syaf Pelancaran Cochrane	Puncak Niaga (M) Sdn Bhd	24-Jun-2011	0.49
06	<b>AW6 - Pakej E</b> Bekalan dan Pemasangan Instrumentasi dan Peralatan untuk Kerja-Kerja Pemantuan termasuk Stesen Automatik untuk Syaf Pelancaran Semantan dan Cochrane	Soil Instruments (M) Sdn Bhd	9-Jun-2011	1.15
07	<b>AW7 - Pakej F1</b> Pembinaan dan Penyiapan untuk Contiguous Bored Piles termasuk Ground Anchor untuk Syaf Pelancaran Semantan	Geohan Sdn Bhd	6-Mac-2012	6.58
08	<b>AW8 - Pakej F2</b> Pembinaan dan Penyiapan Secant Bored Pile untuk Syaf Pelancaran Cochrane	Bauer (M) Sdn Bhd	15-Ogos-2011	10.59
09	<b>AW9</b> Pembinaan dan Penyiapan Kerja Tanah dan Kerja Berkaitan (Fasa 1) di Depoh Sungai Buloh	Gadang Engineering (M) Sdn Bhd	9-Jun-2011	23.91
10	<b>AW10</b> Meroboh Bilik Sejuk, Rumah Pam dan Kerja Mengalihkan Tiang yang Menghalang Laluan TBM di IPPKL	Pembinaan CW Yap Sdn Bhd	17-Okt-2011	2.65
11	<b>AW11 - Package GPL1</b> Penempatan Semula Saluran Paip Gas Sedia Ada di Stesen Muzium Negara	Misi Setia Oil and Gas Sdn Bhd	6-Mac-2012	0.92

### Butir-butir pakej kerja yang dianugerahkan bagi Laluan SBK

Kerja Awalan				
No.	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
12	<b>AW12 - Pakej SYB1</b> Penempatan Semula Saluran Paip Air Sedia Ada dan Pengurusan Trafik untuk Pemindahan Utiliti di Stesen Muzium Negara	Hatimuda Sdn Bhd	31-Jan-2012	5.69
13	<b>AW13 - Pakej TEL1</b> Penempatan Semula Talian Telekomunikasi Sedia Ada di Stesen Muzium Negara	Sri Communication Sdn Bhd	14-Dis-2011	0.70
14	<b>AW14 - Pakej TCO1</b> Penempatan Semula Kabel Gentian Optik Sedia Ada di Stesen Muzium Negara	Tenaga Nirwana (M) Sdn Bhd	14-Dis-2011	1.50
15	<b>AW15 - Pakej TNB1</b> Penempatan Semula Kabel Bekalan Kuasa Sedia Ada di Stesen Merdeka	Worktime Engineering Sdn Bhd	14-Dis-2011	1.72
16	<b>AW16 - Pakej TEL2</b> Penempatan Semula Talian Telekomunikasi Sedia Ada di Stesen Merdeka	Sri Communication Sdn Bhd	14-Dis-2011	1.98
17	<b>AW17 - Pakej SYB2</b> Penempatan Semula Saluran Paip Air Sedia Ada di Stesen Maluri	MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd	8-Mac-2012	8.34
18	<b>AW18 - Pakej TEL3</b> Penempatan Semula Talian Telekomunikasi Sedia Ada di Stesen Maluri	Sri Communication Sdn Bhd	19-Jan-2012	10.02
19	<b>AW19 - Pakej TCO2</b> Penempatan Semula Talian Gentian Optik di Stesen Maluri	Fastpro Sdn Bhd	19-Jan-2012	3.90
20	<b>AW20 - Pakej TNB2</b> Penempatan Semula Kabel Bekalan Kuasa Sedia Ada di Stesen Maluri	Huls Transmission Sdn Bhd	6-Mac-2012	37.89
21	<b>AW21</b> Kerja-Kerja <i>Grouting</i> untuk Penggalian Bawah Tanah, <i>Ground Anchor</i> dan <i>Rock Bolts</i> untuk Syaf Pelancaran dan Stesen Cochrane	Keller (M) Sdn Bhd	8-Mac-2012	11.10
22	<b>AW22</b> Kerja-Kerja Meroboh Struktur Perhentian Bas Klang, Plaza Warisan dan UO Superstore, Bekalan dan Pemasangan 1MVA Compact Substation dan Semua Kerja-Kerja Berkaitan bagi Stesen Pasar Seni	Pembinaan C W Yap Sdn Bhd	6-Mac-2012	24.02

# Pakej Kerja Yang Dianugerahkan

Butir-butir pakej kerja yang dianugerahkan bagi Laluan SBK

Jejambat				
No.	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
23	<b>Seksyen Bertingkat V1</b> Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Kerja-Kerja Berkaitan dari Stesen Sungai Buloh ke Stesen Kwasa Damansara	Syarikat Muhibah Perniagaan & Pembinaan Sdn Bhd	18-Mei-2012	1,092.33
24	<b>Seksyen Bertingkat V2</b> Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Kerja-Kerja Berkaitan dari Stesen Kwasa Damansara ke Stesen Surian	Gadang Engineering (M) Sdn Bhd	10-Jul-2012	863.39
25	<b>Seksyen Bertingkat V3</b> Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Kerja-Kerja Berkaitan dari Stesen Surian ke Seksyen 17, Petaling Jaya	Mudajaya Corporation Bhd	10-Jul-2012	816.24
26	<b>Seksyen Bertingkat V4</b> Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Kerja-Kerja Berkaitan dari Seksyen 17, Petaling Jaya ke Portal Semantan	Sunway Construction Sdn Bhd	18-Mei-2012	1,172.75
27	<b>Seksyen Bertingkat V5</b> Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Kerja-Kerja Berkaitan dari Portal Maluri ke Stesen Taman Connaught	IJM Construction Sdn Bhd	16-Feb-2012	974.78
28	<b>Seksyen Bertingkat V6</b> Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Kerja-Kerja Berkaitan dari Stesen Taman Connaught ke Stesen Bandar Tun Hussein Onn	Ahmad Zaki Sdn Bhd	16-Feb-2012	764.91
29	<b>Seksyen Bertingkat V7</b> Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Kerja-Kerja Berkaitan dari Stesen Bandar Tun Hussein Onn ke Taman Mesra	MTD Construction Sdn Bhd	18-Mei-2012	499.98
30	<b>Seksyen Bertingkat V8</b> Pembinaan dan Penyiapan Jejambat dan Kerja-Kerja Berkaitan dari Taman Mesra ke Stesen Kajang	UEM Construction Sdn Bhd	26-Sep-2012	951.09
Depoh				
31	<b>Pakej DPT1</b> Pembinaan dan Penyiapan Depoh Penyelenggaraan Sungai Buloh, Bangunan Pentadbiran, Kerja-Kerja Luaran dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan	Trans Resources Corporation Sdn Bhd	18-Mei-2012	458.98
32	<b>Pakej DPT2</b> Pembinaan dan Penyiapan Depoh Penyelenggaraan Kajang, Kerja-Kerja Luaran dan Kerja-Kerja Lain yang Berkaitan	TSR Bina Sdn Bhd	24-Jul-2012	212.81



▲ **KERJA AKHIR:**  
Pandangan kerja pembinaan sedang dijalankan di Stesen Stadium Kajang.

#### Butir-butir pakej kerja yang dianugerahkan bagi Laluan SBK

Kerja-Kerja Bawah Tanah				
No.	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
<b>33</b>	Kerja-Kerja Bawah Tanah (Stesen, Terowong dan Struktur Berkaitan) antara Portal Utara Semantan dan Portal Selatan Maluri	MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd	30-Mac-2012	8,280.00
Tempat Letak Kereta Bertingkat				
<b>34</b>	<b>Pakej MSPR1</b> Pembinaan dan Penyiapan Bangunan Medan Letak Kereta Bertingkat, Kerja-Kerja Luaran dan Kerja-Kerja Berkaitan di Stesen Sungai Buloh	TSR Bina Sdn Bhd	24-Jul-2014	117.11
<b>35</b>	<b>Pakej MSPR4</b> Pembinaan dan Penyiapan Bangunan Medan Letak Kereta Bertingkat, Kerja-Kerja Luaran dan Kerja-Kerja Berkaitan di Stesen Phileo Damansara	Budaya Restu Sdn Bhd	2-Jul-2014	83.44
<b>36</b>	<b>Pakej MSPR6</b> Pembinaan dan Penyiapan Bangunan Medan Letak Kereta Bertingkat, Kerja-Kerja Luaran dan Kerja-Kerja Berkaitan di Stesen Taman Midah	Perkasa Sutera Sdn Bhd	2-Jul-2014	128.86
<b>37</b>	<b>Pakej MSPR8</b> Pembinaan dan Penyiapan Bangunan Medan Letak Kereta Bertingkat, Kerja-Kerja Luaran dan Kerja-Kerja Berkaitan di Stesen Bukit Dukung	Innoseven Sdn Bhd	2-Jul-2014	115.98
<b>38</b>	<b>Pakej MSPR9</b> Pembinaan dan Penyiapan Bangunan Medan Letak Kereta Bertingkat, Kerja-Kerja Luaran dan Kerja-Kerja Berkaitan di Stesen Kajang	SMPP-IBWANI Joint Venture	18-Mac-2013	50.70
<b>39</b>	<b>Pakej MSPR11</b> Pembinaan dan Penyiapan Bangunan Medan Kereta Bertingkat, Kerja-Kerja Luaran dan Kerja-Kerja Berkaitan di Stesen Sungai Jernih	RD Resources Sdn Bhd	2-Jul-2014	123.20

# Pakej Kerja Yang Dianugerahkan

**Butir-butir pakej kerja yang dianugerahkan bagi Laluan SBK**

<b>Sistem</b>				
No.	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
40	<b>Pakej Kerja Sistem SBK-S-01</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentaulahan Tren Elektrik	Konsortium Siemens Malaysia Sdn Bhd, Siemens AG dan SMH Rail Sdn Bhd	28-Sep-2012	1,365.08
41	<b>Pakej Kerja Sistem SBK-S-02</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentaulahan Peralatan Depoh dan Kenderaan Penyelenggaraan	Konsortium Siemens Malaysia Sdn Bhd, Siemens AG, Hisniaga Sdn Bhd	28-Sep-2012	418.81
42	<b>Pakej Kerja Sistem SBK-S-03</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentaulahan Sistem Semboyan dan Kawalan Tren	Bombardier (Malaysia) Sdn Bhd	28-Sep-2012	281.31
43	<b>Pakej Kerja Sistem SBK-S-04</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentaulahan Pintu Skrin Platform	Singapore Technologies Electronics Limited	31-Jan-2013	78.09
44	<b>Pakej Kerja Sistem SBK-S-05</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentaulahan Sistem Bekalan dan Pengagihan Kuasa	Meidensha Corporation	28-Sep-2012	459.25
45	<b>Pakej Kerja Sistem SBK-S-06</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentaulahan Kerja-Kerja Landasan	Mitsubishi Heavy Industries Ltd	31-Okt-2012	855.00
46	<b>Pakej Kerja Sistem SBK-S-07</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentaulahan Kemudahan Sistem Telekomunikasi	Konsortium Apex Communication Sdn Bhd - LG CNS	31-Okt-2012	319.94
47	<b>Pakej Kerja Sistem SBK-S-08</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentaulahan Kemudahan Scada	A.F.S. Engineering (M) Sdn Bhd - ST Electronics Ltd	8-Nov-2012	23.24
48	<b>Pakej Kerja Sistem SBK-S-09</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentaulahan Sistem Kutipan Tiket Automatik	Affiliated Computer Services Solutions France SAS	22-Nov-2012	120.76
49	<b>Pakej Kerja Sistem SBK-S-10</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentaulahan Sistem Kawalan Akses Elektronik	Apex Communications Sdn Bhd - Johnson Controls (M) Sdn Bhd	8-Nov-2012	41.01
50	<b>Pakej Kerja Sistem SBK-S-11</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentaulahan Sistem Pengurusan Bangunan	Metronic Engineering Sdn Bhd	8-Nov-2012	43.04
51	<b>Pakej Kerja Sistem SBK-S-12</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentaulahan Rangkaian Radio Bersepadu Kerajaan	Sapura Research Sdn Bhd	4-Jun-2013	4.41
52	<b>Pakej Kerja Sistem SBK-S-13</b> Rekabentuk, Perolehan, Konfigurasi, Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan, Latihan dan Dokumentasi Sistem IT untuk semua Stesen Bertingkat dan Bawah Tanah serta Depoh	EV-Dynamic Sdn Bhd	23-Jul-2013	44.47



**SIAP:**  
Pandangan persimpangan  
Persiaran Surian-Persiaran  
Mahogani yang telah  
siap berhampiran Stesen  
Surian.

### Butir-butir pakej kerja yang dianugerahkan bagi Laluan SBK

Stesen				
No.	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
53	<b>Pakej S1</b> Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Sungai Buloh, Kampung Selamat dan Kwasa Damansara	Trans Resources Corporation Sdn Bhd	28-Ogos-2012	283.67
54	<b>Pakej S2</b> Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Kwasa Sentral, Kota Damansara dan Surian	Naim Engineering Sdn Bhd	3-Okt-2012	204.66
55	<b>Pakej S3</b> Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Mutiara Damansara, Bandar Utama dan Taman Tun Dr Ismail	UEM Construction Sdn Bhd	3-Okt-2012	275.77
56	<b>Pakej S4</b> Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Phileo Damansara, Pusat Bandar Damansara dan Semantan	Naim Engineering Sdn Bhd	17-Jul-2012	208.15
57	<b>Pakej S5</b> Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Taman Pertama, Taman Midah, Taman Mutiara dan Taman Connaught	IJM Construction Sdn Bhd	24-Jul-2012	228.91
58	<b>Pakej S6</b> Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Taman Suntex, Sri Raya dan Bandar Tun Hussein Onn	Ahmad Zaki Sdn Bhd	28-Ogos-2012	174.64
59	<b>Pakej S7</b> Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Batu 11 Cheras dan Bukit Dukung	Apex Communication Sdn Bhd	28-Ogos-2012	104.75
60	<b>Pakej S8</b> Pembinaan dan Penyiapan Stesen Bertingkat dan Kerja-Kerja Berkaitan di Sungai Jernih, Stadium Kajang dan Kajang	Apex Communication Sdn Bhd	3-Okt-2012	251.74

# Pakej Kerja Yang Dianugerahkan

**Butir-butir pakej kerja yang dianugerahkan bagi Laluan SBK**

Perolehan Berpusat				
No.	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
61	<b>Gelang Kekotak Bersejmen Untuk Bahagian Utara</b> Pembekalan dan Penghantaran Gelang Kekotak Bersejmen untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (Bahagian Utara)	SPC Industries Sdn Bhd	2-Feb-2012	223.18
62	<b>Gelang Kekotak Bersejmen Untuk Bahagian Selatan</b> Pembekalan dan Penghantaran Gelang Kekotak Bersejmen untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (Bahagian Selatan)	Eastern Pretech (M) Sdn Bhd	2-Feb-2012	185.91
63	<b>Pakej V1 ke V8</b> Reka Bentuk, Pembekalan, Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Penghadang Bunyi dan Pagar	Muhibbah - SV-Samsung JV	18-Mac-2013	201.99
64	<b>Pakej ECS1</b> Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Sistem Kawalan Alam Sekitar untuk Pakej Bertingkat V1 ke V4 dan Depoh Sungai Buloh	Kejuruteraan Astra Sdn Bhd	18-Mac-2013	44.18
65	<b>Pakej ECS2</b> Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Sistem Kawalan Alam Sekitar untuk Pakej Bertingkat V5 ke V8 dan Depoh Kajang	FastColl Corporation Sdn Bhd	18-Mar-2013	21.97
66	<b>Pakej FD1</b> Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Sistem Pengesan dan Perlindungan Kebakaran bagi Pakej Bertingkat V1 ke V2 dan Depoh Sungai Buloh	P. J. Indah Sdn Bhd	4-Jun-2013	31.97
67	<b>Pakej FD2</b> Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Sistem Pengesan dan Perlindungan Kebakaran bagi Pakej Bertingkat V3 ke V4	Fitters-MPS Sdn Bhd	16-Ogos-2013	14.76
68	<b>Pakej FD3</b> Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Sistem Pengesan dan Perlindungan Kebakaran bagi Pakej Bertingkat V5 ke V6	Zulfan (M) Sdn Bhd	18-Mac-2013	18.82
69	<b>Pakej FD4</b> Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Sistem Pengesan dan Perlindungan Kebakaran bagi Pakej Bertingkat V7 ke V8 dan Depoh Kajang	Mecomb Malaysia Sdn Bhd	13-Jun-2013	22.28
70	<b>Pakej SDDT-E</b> Pembekalan, Penghantaran dan Penyeliaan Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Sistem Step Down Distribution Transformer untuk Semua Stesen Bertingkat, Depoh Sungai Buloh dan Kajang	PTIS Engineering Sdn Bhd	18-Mac-2013	10.07
71	<b>Pakej UPS-E</b> Pembekalan, Penghantaran dan Penyeliaan Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Bekalan Kuasa Tidak Terganggu untuk Semua Stesen Bertingkat	Info-Matic Power Sdn Bhd	18-Mac-2013	6.69

### Butir-butir pakej kerja yang dianugerahkan bagi Laluan SBK

Perolehan Berpusat				
No.	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
72	<b>Pakej LS-E</b> Pembekalan, Penghantaran, Pengujian dan Pentaulahan untuk Sistem Lif di Stesen Bertingkat, Depoh Sungai Buloh dan Tempat Letak Kereta Bertingkat	Otis Elevator Company (M) Sdn Bhd	18-Mac-2013	42.45
73	<b>Pakej ETS-E</b> Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Eskalator dan Travelator di Semua Stesen	MS Elevators Engineering Sdn Bhd	31-Jan-2013	102.67
74	<b>Pakej LED-E</b> Reka Bentuk, Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Lampu LED dan Lighting Boom Equipment untuk Semua Stesen Bertingkat	Norangkasa Enterprise Sdn Bhd	20-Dis-2013	39.90
75	<b>Pakej LS-U</b> Pembekalan, Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Sistem Lif di semua Stesen Bawah Tanah dan Bangunan Berkaitan	EITA Elevator (M) Sdn Bhd	25-Jul-2014	15.30
76	<b>Pakej ETS-U</b> Pembekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Sistem Eskalator dan Travelator untuk Semua Stesen Bawah Tanah	EITA Elevator (M) Sdn Bhd	25-Nov-2014	79.00
77	<b>Pakej SDDT-U</b> Pembekalan, Penghantaran dan Penyeliaan Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Sistem Step Down Distribution Transformer untuk Semua Stesen Bawah Tanah dan Bangunan Berkaitan	P. J. Indah Sdn Bhd	25-Jul-2014	7.42
78	<b>Pakej UPS-U</b> Pembekalan, Penghantaran dan Penyeliaan Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Bekalan Kuasa Tidak Terganggu untuk Semua Stesen Bawah Tanah	Info-Matic Power Sdn Bhd	13-Nov-2014	5.72
79	<b>Pakej LED-U1</b> Pembekalan, Penghantaran dan Penyeliaan Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Lampu LED di Stesen Bawah Tanah dari Muzium Negara ke Bukit Bintang	Sena Letrik (M) Sdn Bhd	1-Apr-2015	4.31
80	<b>Pakej LED-U2</b> Pembekalan, Penghantaran dan Penyeliaan Pemasangan, Pengujian dan Pentaulahan Lampu LED di Stesen Bawah Tanah dari Tun Razak Exchange ke Maluri	LED Vision Sdn Bhd JV	1-Apr-2015	2.98
81	<b>Pakej OFF</b> Bekalan, Penghantaran dan Pemasangan Perabot Pejabat bagi Semua Stesen Bertingkat dan Stesen Bawah Tanah, Depoh dan Bangunan Letak Kenderaan Bertingkat	Puncak Bumi Utama Sdn Bhd	3-Mei-2016	7.86

# Pakej Kerja Yang Dianugerahkan

**Butir-butir pakej kerja yang dianugerahkan bagi Laluan SBK**

Perolehan Berpusat				
No.	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
82	<b>Pakej Sign-E1</b> Bekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Papan Tanda Wayfinding Penyelenggaraan dan Operasi untuk Bahagian Jajaran dan Stesen Bertingkat bagi Pakej V1, V2,V3 dan V4	KI Engineering Sdn Bhd	3-Mei-2016	12.88
83	<b>Pakej Sign-E2</b> Bekalan, Perolehan, Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Papan Tanda Wayfinding Penyelenggaraan dan Operasi Bahagian Jejambat dan Stesen Bertingkat bagi Pakej V5, V6, V7 dan V8.	Kemakmuran 2000 Sdn Bhd	3-Mei-2016	12.49
84	<b>Pakej Sign-U</b> Bekalan dan Penghantaran Papan Tanda Semua Stesen Bawah Tanah dan Bangunan Berkaitan	S&I Urban Designers Sdn. Bhd.	5-Mei-2016	7.31



▲ **PANDANGAN CANTIK:**  
Pandangan udara Stesen Kota Damansara.

### Butir-butir pakej kerja yang dianugerahkan bagi Laluan SBK

<b>Laluan Pejalan Kaki</b>				
No.	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
<b>85</b>	Pembinaan dan Penyiapan Laluan Penghubung Pasar Seni dan Kerja-Kerja Lain Berkaitan antara Stesen LRT Pasar Seni dan Stesen KTM Kuala Lumpur	Trans Resources Corporation Sdn Bhd	24-Mac-2016	103.80
<b>Lain-Lain</b>				
<b>86</b>	Cadangan Membina Sebuah Depoh Bas dan Kemudahan Sokongan Berkaitan Bagi Projek KVMRT, Jajaran Sungai Buloh - Kajang di atas Lot 81520 Seluas 10.55 ekar, Seksyen U4, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan bagi MRT Corp	Perkasa Jauhari Sdn Bhd	7-Okt-2015	64.91
<b>87</b>	Cadangan Membina Sebuah Depoh Bas dan Kemudahan Sokongan Berkaitan bagi Projek KVMRT, Jajaran Sungai Buloh-Kajang di atas Lot 24728, Jalan Sungai Sekamat, 43000 Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan bagi MRT Corp	Potensi Cekal Sdn Bhd	25-Mei-2016	62.50
<b>88</b>	Cadangan Membina Sebuah Depoh Bas dan Kemudahan Sokongan Berkaitan bagi Projek KVMRT, Jajaran Sungai Buloh-Kajang di atas Lot 2816 (Pa 14383), Persiaran 2/118c, Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak, Mukim Petaling, Daerah Petaling, 56000 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi MRT Corp	PASDEC Bina Sdn Bhd	4-Mei-2016	55.80
<b>89</b>	Pembuatan, Bekalan, Penghantaran, Pengujian, Pentauliahan dan Jaminan 150 unit Completely-Knocked-Down (CKD) Bas Perantara Diesel 10 meter	Scania (Malaysia) Sdn Bhd	8-Okt-2015	118.44
<b>90</b>	Pembuatan, Bekalan, Penghantaran, Pengujian, Pentauliahan dan Jaminan 150 unit Completely-Knocked-Down (CKD) Bas Perantara Diesel 10 meter	Volvo Malaysia Sdn Bhd	8-Okt-2015	113.93
<b>91</b>	Rekabentuk, Pembuatan, Penghantaran, Integrasi, Pengujian, Pentauliahan dan Jaminan Sistem Bas Perantara MRT	LG CNS Malaysia Sdn Bhd	24-Nov-2015	42.20

# Pakej Kerja Yang Dianugerahkan

**Butir-butir pakej kerja yang dianugerahkan bagi Laluan SSP**

## Kerja Awalan - Bertingkat

No.	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
01	<b>AW 201- Kerja Awalan Pakej 1</b> Kontrak Reka Bentuk dan Bina untuk Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Penempatan Semula Pilon TNB dan Kabel Penghantaran Elektrik	P.E.S.B. Engineering Sdn Bhd	23-Nov-15	10.36
02	<b>AW 202- Kerja Awalan Pakej 2</b> Kontrak Reka Bentuk dan Bina untuk Pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan Penempatan Semula Pilon TNB dan Kabel Penghantaran Elektrik	Huls Transmission Sdn Bhd	23-Nov-15	7.55
03	<b>SBPQ</b> Cadangan Mereka Bentuk dan Membina Kuarters Polis 17 Tingkat yang Merangkumi 136 Unit Kuarters Kelas F yang dilengkapi dengan kemudahan dan Enam Tingkat Podium Tempat Letak Kereta di Lot 46 dan Lot 47, Jalan Suasa 2, Mukim Petaling, Pekan Sungai Besi, Kuala Lumpur	S.N. Akmida Holdings Sdn Bhd	15-Jul-16	59.50

## Kerja Awalan - Bawah Tanah

04	<b>JKR CSL</b> Mereka Bentuk dan Membina Woksyop JKR Wilayah Persekutuan yang baru termasuk Woksyop Automotif dan Jentera Berat dan Bangunan Berkaitan di Lot 1571, Jalan 6/19 Cheras bersama Taska, Gelanggang Tennis dan pembangunan jalan susur sedia ada di sekitar JKR Wilayah Persekutuan Chan Sow Lin	Acre Works Sdn Bhd	02-Feb-16	77.79
05	<b>Kraf/A</b> Kerja-Kerja Perobohan di Block C, Bangunan Sultan Abdul Samad	Central Geo Sdn Bhd	02-Feb-16	1.98
06	<b>Kraf/B</b> Kerja-Kerja Pengubahsuaian dan Pemuliharaan ke Blok A dan Blok C, Bangunan Sultan Abdul Samad (BSAS), termasuk: I) Penempatan Semula Muzium Kraftangan, Pejabat Karyaneka, Pejabat Pengurusan Kraftangan dan Pejabat JWN ke Blok C, Bangunan Sultan Abdul Samad II) Penempatan semula Butik Kraftangan Karyaneka dan Kedai Cenderamata ke Block A, Bangunan Sultan Abdul Samad III) Penempatan Semula Perkampungan Kraftangan dan Perkampungan Pelukis ke Dataran Bawah Tanah	Trans Resources Corporation Sdn Bhd	25-Mac-16	74.39
07	<b>Kraf/C</b> Mereka Bentuk dan Membina Struktur Dua Tingkat Baru untuk Kafeteria dan Pusat "Preka" di Kompleks Kraftangan Kuala Lumpur, Jalan Conlay	M.O. Jaya Sdn Bhd	14-Mac-16	8.92
08	<b>SPQ</b> Mereka Bentuk dan Membina Kuarters Polis 20 Tingkat Terdiri daripada 300 Unit Kuarters Polis Kelas F dengan kemudahan dan Podium Tempat Letak Kereta Lima Tingkat	WCT Berhad	29-Mac-16	133.93

### Butir-butir pakej kerja yang dianugerahkan bagi Laluan SSP

#### Bawah Tanah

No.	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
09	<b>UNGW</b> Pembinaan dan Penyiapan Terowong, Stesen dan Struktur Berkaitan dari Syaf Kecemasan Jalan Ipoh Utara ke Portal Selatan Desa Waterpark	MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd	31-Mac-16	15,470.00



▲ **HAMPIR SIAP:**  
Pandangan Stesen Kwasa Sentral dengan kerja sedang berjalan di pintu masuk stesen.

#### Sivil dan Infrastruktur / Jejambat

10	<b>V201</b> Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Jejambat Bertingkat dan Struktur Berkaitan dari Sungai Buloh ke Persiaran Dagang	Sunway Construction Sdn Bhd	31-Mac-16	1,213.00
11	<b>V202</b> Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Jejambat Bertingkat dan Struktur Berkaitan dari Persiaran Dagang ke Jinjang	Ahmad Zaki Sdn Bhd	04-Apr-16	1,439.53
12	<b>V203</b> Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Jejambat Bertingkat dan Struktur Berkaitan dari Jinjang ke Syaf Kecemasan Jalan Ipoh Utara	IJM Construction Sdn Bhd	19-Mei-16	1,470.00
13	<b>V210</b> Kerja-Kerja Pembinaan dan Penyiapan Jejambat Bertingkat dan Struktur Berkaitan dari Persiaran APEC ke Putrajaya Sentral	Malaysian Resources Corporation Berhad	19-Mei-16	648.00

# Pakej Kerja Yang Dianugerahkan

**Butir-butir pakej kerja yang dianugerahkan bagi Laluan SSP**

## Sivil dan Struktur / Kerja-Kerja Depoh

No.	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
14	<b>DPT203</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Semboyan dan Kawalan Tren dan Pintu Skrin Platform atau Pintu Masuk Platform Automatik	TSR Bina Sdn Bhd	05-Mei-16	89.40

## Kerja-Kerja Sistem

15	<b>SY201</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Semboyan dan Kawalan Tren dan Pintu Skrin Platform atau Pintu Masuk Platform Automatik	Konsortium Bombardier (M) Sdn Bhd - Global Rail Sdn Bhd	19-Mei-16	458.02
16	<b>SY202</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Penyeliaan Kawalan Bersepadu dan Sistem Pengurusan Penyelenggaraan Berkomputer	Usahasama Najcom Sdn Bhd - EV Dynamics Sdn Bhd	05-Mei-16	78.54
17	<b>SY203</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Peralatan Depoh dan Tren Elektrik	Konsortium HAP (Konsortium terdiri daripada Hyundai Rotem Company, Apex Communications Sdn Bhd, Posco Engineering Co. Ltd )	19-Mei-16	1,620.90
18	<b>SY204</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Kerja-Kerja Landasan, Kenderaan dan Tren Kerja Penyelenggaraan	Usahasama China Communication Construction Company Ltd - George Kent Malaysia Bhd	25-Ogos-16	1,007.29
19	<b>SY205</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Bekalan dan Pengagihan Kuasa	Konsortium Colas Rail (Konsortium terdiri daripada Colas Rail SA - Colas Rail System Engineering Sdn Bhd)	14-Jul-16	693.03
20	<b>SY206</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Komunikasi, Rangkaian Radio Bersepadu Kerajaan, Telekom Komersial (Infra) dan Sistem Teknologi Informasi	Konsortium Sapura Holdings Sdn Bhd - EV Dynamic Sdn Bhd	01-Ogos-16	632.00
21	<b>SY207</b> Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pengujian dan Pentauliahan Sistem Kutipan Tiket Automatik	Konsortium Indra Sistemas SA - Rasma Corporation Sdn Bhd	14-Sep-16	152.89

### Butir-butir pakej kerja yang dianugerahkan bagi Laluan SSP

Pembekal Khusus				
No.	Nama Kontrak dan Jenis Kerja	Kontraktor	Tarikh Anugerah	Nilai Kontrak (RM Juta)
22	<b>SBG201</b> Pembekalan dan Penghantaran Gelang Kekotak Bersegmen (Pakej V201 hingga V205)	SPC Industries Sdn Bhd	25-Mac-16	199.30
23	<b>SBG202</b> Pembekalan dan Penghantaran Gelang Kekotak Bersegmen (Pakej V206 hingga V210)	Acre Works Sdn Bhd	25-Mac-16	169.99



▲ PERINGKAT AKHIR:

Pandangan Stesen Kota Damansara dengan kerja akhir sedang dijalankan di pintu masuk stesen.



▲ MARA KE DEPAN:  
Tren MRT yang sedang menjalani ujian.



MASS RAPID TRANSIT  
CORPORATION SDN BHD  
(902884-V)

Tingkat 5, Menara I & P 1, No. 46, Jalan Dungun,  
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

TALIAN 24-JAM

**1800 82 6868**

[www.mymrt.com.my](http://www.mymrt.com.my)